BUKU ABSTRAK

SEMINAR KEBANGSAAN MEDC 2022

10-11 DISEMBER

MAJLIS DEKAN PENDIDIKAN UNIVERSITI AWAM

DEWAN KONVENSYEN, BANGUNAN E-LEARNING, UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

TRANSFORMASI PENDIDIKAN NASIONAL MELALUI PENDIGITALAN PEDAGOGI

Majlis Dekan Pendidikan IPTA

Universiti Pendidikan Sultan Idris
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UPSI No.1 PENDIDIKAN

100 Tahun
PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN
SITC • MPSI • IPSI • UPSI • 1922-2022

CENTRAL EDUCATION INTELLIGENCE
FACULTY OF HUMAN DEVELOPMENT

CPRI
Pusat Pedagogi, Penyelidikan dan Inovasi

TREK

- Pengurusan Pendidikan 5.0
- Pendigitalan Dokumen
- Pedagogi dan Pembelajaran Interaktif
- Kurikulum Masa Depan
- Pembentukan Generasi Masa Depan
- Pendidikan Keinsanan
- Pentaksiran Alternatif
- Pendidikan Inklusif
- TVET Negara
- Inovasi dalam Pendidikan
- Pendidikan Berdasarkan Revolusi Industri
- Latihan Industri dan Praktikum
- Akreditasi dan Kebolehpasaran Graduan
- Isu Berkaitan

PENGOPTIMUMAN PEMBELAJARAN MIKRO MENGENAI PELAKSANAAN MIKRO KURIKULUM DALAM PEMBELAJARAN DALAM TALIAN

Rudi Susilana*, Budi Setiawan, Dadi Mulyadi

Curriculum and Educational Technology Department, Faculty of Educational Sciences, Universitas Pendidikan Indonesia, Bandung, Indonesia

E-mel*: rudi_susilana@upi.edu

ABSTRACT

Kewujudan sekatan interaksi antara komuniti (physical distancing) memaksa semua pihak yang terlibat dalam dunia pendidikan menjadikan pembelajaran dalam talian sebagai pilihan yang mesti dipilih semasa pandemik ini. Perubahan mendadak ini memberi impak kepada warga pendidikan, baik pelajar, guru, pengurus institusi pendidikan, dan pihak lain yang berkaitan untuk mereka bentuk semula pelaksanaan pendidikan dan pembelajaran daripada pembelajaran luar talian (di luar rangkaian) kepada pembelajaran dalam talian. Persoalannya, apakah peranan yang boleh dimainkan oleh pakar pendidikan dalam menangani keadaan ini? Apakah penyelesaian yang ditawarkan kepada masyarakat sebagai usaha menjawab cabaran yang perlu dihadapi dalam pelaksanaan pendidikan dan pembelajaran dalam talian? Bagi menjawab permasalahan di atas, terdapat tiga kata kunci yang boleh digunakan sebagai alternatif penyelesaian masalah yang boleh ditawarkan iaitu Pembelajaran Mikro, Kurikulum Mikro, dan Pembelajaran Dalam Talian. Pembelajaran dalam talian juga berjaya dalam memerlukan penyedia pendidikan untuk menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi dan memahami kelebihan dan batasan pelbagai teknik dan kaedah pembelajaran dalam talian. Ketiga-tiga kata kunci tersebut saling berkait dan bersinergi untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan mencapai kompetensi dan hasil pembelajaran yang diperoleh pelajar melalui pelaksanaan pembelajaran dalam talian.

Keywords: *Pembelajaran mikro, kurikulum mikro, pembelajaran dalam talian*

21st CENTURY TEACHING APPROACH READINESS PREDICTION MODEL AMONG POLYTECHNIC LECTURERS BASED ON THEIR KNOWLEDGE OF AND ATTITUDE TOWARD 4C

Noor Hidayah Binti Awang, Lee Ming Foong*

Department of Professional Education and Postgraduate Studies, Faculty of Technical & Vocational Education, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia

E-mail*: mflee@uthm.edu.my

ABSTRACT

There are many factors that affect the production of quality TVET graduates, and one of them is the competence of the instructors. Therefore, the purpose of this study is to develop a prediction model for the 4C readiness of polytechnic lecturers from the aspects of knowledge and skills in teaching and learning in the 21st century. 4C is a 21st century learning and teaching method that consists of four elements, namely creative, critical, communication, and collaboration. This study is a survey study that uses a questionnaire as an instrument. The instrument was developed by researchers with reference to the Partnership for 21st Century Skills model (Osman and Basar, 2017). A total of 332 polytechnic lecturers from five zones in Malaysia were randomly selected and stratified to be respondents. The collected data was analyzed using linear regression to obtain the prediction model of 4C readiness among the polytechnic lecturers. The findings show that there is significant correlation for some elements of 4C knowledge and skills with the 4C readiness. Findings also showed that the knowledge and skills of 4C are significant predictors of the 4C readiness among the polytechnic lecturers. As a result, in order to assist polytechnic lecturers in preparing for the implementation of teaching using the 4C method, their 4C knowledge and skills must be improved so that they can implement effective learning and teaching sessions for student success in the future.

Keywords: *4C Prediction model, Skills, Knowledge, Attitude, Polytechnic Lecturer*

A STUDY COMPARING PHYSICAL AND ONLINE LEARNING THAT EXAMINES HOW STUDENTS PERFORM IN VARIOUS LEARNING SCENARIOS

Vinotini Seridaran*

Educational Studies Department, Faculty of Human Development,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Email*: vinotiniseridaran2718@gmail.com

ABSTRACT

In this study, the performance of students attending an online quantitative analysis course was compared with those of students taking a classroom learning course. Although there are numerous methods for tracking students' progress in online learning environments, actual comparisons of the various learning strategies are still uncommon. This research gives a direct comparison of e-learning and classroom instruction in practice to close this gap. They were split into two groups at random before the study began. The first group received instruction via face-to-face lectures. The second group took a math course online. The similar subjects were covered by all pupils in different approaches. Google Meet functioned as the online platform. Multiple assessments were conducted to measure the performance of the students. In addition, a survey conducted at the end of the course allowed the students to give feedback about the perception and satisfaction of the study. Based on the results, the face-to-face teaching was more successful than the e-learning format in this case. While the overall performance of the students in the control group significantly improved, the e-learning group did not improve their average performance.

Keywords: *Online class; physical class; similar subject; performance; successful*

A SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW: TEACHING ENGLISH VOCABULARY FOR PRIMARY SCHOOL STUDENTS THROUGH GAME-BASED LEARNING

Jayuvitra Naidu a/p Thiribuvan Naidu; Mohd Razimi Husin*

Faculty of Human Development,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Email*:razimi@fpm.upsi.edu.my

ABSTRACT

This paper reports on a systematic literature review of 5 pieces of educational article research related to teaching English language vocabulary for students through various types of games. The key to learning and mastering any language is through enhancing its vocabulary. The application of game teaching is formerly introduced by Plato, the Greek philosopher, who emphasizes the importance of game teaching in children's education. Game teaching not only satisfies pupils' innocent traits but also meets the features of their mental and physical development. Hence, this study is aimed to review the efficacy of game-based learning to enhance students' vocabulary in English. The study was conducted as a systematic literature review. Systematic literature review is a type of methodology that identifies, selects and critically appraised research in order to answer a clearly formulated question. (Dewey, A. & Drahota, A. 2016). It is defined as a review using a systematic method to summarize evidence on questions with a detailed plan of study. The articles reviewed are published from the year 2011 to 2022 and are conducted in different countries such as Malaysia, Japan, China, Indonesia and Saudi Arabia. The samples from which the findings are collected are children aged 6 to 12 years old. Different strategies of games are conducted to test its efficacy on students' vocabulary enhancement such as visual games, app-driven games, online language games, role-play game and simple classroom games were used to bring out the best outcomes from students. The studies were conducted using both qualitative and quantitative approach and the findings revealed that incorporating games-driven learning for teaching vocabulary allows learners to expand a deeper understanding of vocabulary and shows improvement in exam scores.

Keywords: *teaching vocabulary, English, games, primary school*

ANALISIS KESAN PEMERIKSA DALAM PENTAKSIRAN AMALI REKA BENTUK LITAR ELEKTRONIK DENGAN MENGGUNAKAN MODEL PENGUKURAN RASCH PELBAGAI FACET (MFRM)

Azmanirah bt Ab Rahman*, Nurfirdawati Muhamad Hanaf[1]

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Tun Hussein Onn Malaysia,
Parit Raja, Batu Pahat Johor

E-mel* : azmanira@uthm.edu.my

ABSTRAK

Pentaksiran alternatif seperti amali terdedah kepada kesan pemeriksa seperti kesan ketegasan, kesan halo dan kesan kecenderungan memusat kerana sifatnya yang subjektif. Oleh itu penggunaan skala pemarkahan berbentuk rubrik analitik dikatakan sesuai untuk mengukur prestasi pelajar dalam melaksanakan amali kerana telah menterjemahkan kriteria kualitatif kepada bentuk kuantitatif dalam bentuk skala pemeringkatan. Oleh itu tujuan kajian yang dijalankan adalah untuk menentukan kesan pemeriksa dari segi ketegasan, kesan halo dan kesan kecenderungan memusat terhadap pentaksiran amali reka bentuk litar elektronik. Kajian ini telah dijalankan di tiga buah Kolej Vokasional. Seramai sembilan pemeriksa telah memeriksa prestasi 68 orang pelajar mereka bentuk litar elektronik dengan menggunakan rubrik analitik. Analisis dibuat dengan menggunakan program FACET bersandarkan kepada model Pengukuran Rasch Pelbagai Facet (MFRM). Hasil kajian menunjukkan terdapat kesan ketegasan pemeriksa wujud secara kumpulan dan juga secara individu manakala kesan kecenderungan memusat dan kesan halo tidak dapat dikesan pada peringkat kumpulan tetapi dapat dikesan pada peringkat individu. Secara keseluruhan rubrik tidak dapat menghapuskan kesan pemeriksa secara terus tetapi dapat memberi konsistensi kepada pemeriksa supaya pemeriksa mempunyai kefahaman yang sama semasa menterjemah rubrik tersebut.

Kata kunci *:* *Kesan ketegasan, kesan halo, kesan kecenderungan memusat, Many Facet Rasch Measurement*

ATRIBUT PENGURUSAN BAKAT DALAM KALANGAN GRADUAN

Ummu Sakinah Subri[1*], Anisah Abdul Wafi, Rafeizah Mohd Zulkifli[2], Suriani Mohamed[2], Zaliza Hanapi[2], Ridzwan Che' Rus[2]

[1]Pusat pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Gelugor, Pulau Pinang.
[2] Fakulti Teknikal dan Vokasional, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

Emel*: ummusakinah@usm.my

ABSTRAK

Pengurusan bakat yang diorganisasikan secara strategik mampu mengalir dari misi, visi, nilai, dan matlamat organisasi. Isu lambakan graduan yang tidak bekerja telah mendapat perhatian daripada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), ibubapa dan juga para graduan. Pandemik ini memberi kesan buruk kepada pekerja rumah tangga di seluruh dunia. Pada awal bulan Jun 2020, jumlah jangkitan COVID-19 telah melebihi 7.3 juta kes yang mempengaruhi kebanyakan negara dan wilayah. 70% universiti di Malaysia percaya mereka telah menyediakan pelajar bagi menempuh alam pekerjaan, namun pihak majikan terus meneruskan menyalahkan kesukaran mendapatkan pekerja yang berkemahiran dalam kalangan orang muda. Penyelidik mengambil model DMGT ini sebagai panduan dan memilih ukuran interpersonal sebagai konstruk utama dalam mengenalpasti atribut kepada pengurusan bakat dalam kalangan graduan untuk meneruskan kerjaya pada masa kini. Pengumpulan data dalam kajian ini melibatkan kajian perpustakaan iaitu melihat kepada kajian-kajian lepas. Fasa ini dilakukan dalam bentuk penerokaan bagi mengenal pasti masalah-masalah yang memerlukan penyelidikan lanjut. Terdapat enam (6) atribut utama yang perlu graduan kuasai sebagai persediaan kea lam pekerjaan iaitu (i) komunikasi, (ii) kepemimpinan, (iii) pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, (iv) kerja berpasukan, (v) pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat, (vi) etika, moral, dan profesional. Hasil kajian ini memberi kelebihan kepada pelajar agar lebih bersedia sebagai graduan yang bakal mencebur diri dalam kerjaya dan kepada pegawai perkhidmatan organisasi yang terlibat sebagai pengrekrut pekerja agar dapat mempertimbangkan dan memperkemaskan polisi dengan lebih profesional dan efektif dalam membantu para graduan mendapatkan kerja.

Kata Kunci: *pengurusan bakat, graduan, soft skills*

CABARAN PEMBELAJARAN BERASASKAN AMALI SECARA ATAS TALIAN PELAJAR PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dr. Mohamad Abdillah Bin Royo

Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK

Artikel ini cuba menjelaskan tentang kesesuaian dan cabaran pembelajaran berasaskan amali secara atas talian oleh pelajar Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Teknologi Malaysia. Faktor yang telah dikenalpasti adalah cabaran pelajar menjayakan tugasan amali secara atas talian seperti aspek pengawasan tenaga pengajar, sumber rujukan, alatan amali, persekitaran dan tempoh masa kuliah. Data bagi artikel ini adalah hasil kajian Projek Sarjana Muda yang telah dijalankan di Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia. Data ini telah dikutip melalui kaedah soal selidik yang telah diedarkan secara dalam talian kepada 119 orang responden yang terdiri daripada 31 orang pelajar lelaki dan 88 orang pelajar perempuan. Responden ini merupakan pelajar tahun 1 hingga 4 dari Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan (JPTK). Perisian SPSS versi 27.0 telah digunakan untuk menganalisis data secara nilai frekuensi, peratusan dan min. Hasil kajian mendapati cabaran dari aspek kesediaan alatan amali telah dikenalpasti sebagai cabaran terbesar buat pelajar menyiapkan tugasan amali secara atas talian diikuti dengan cabaran pelajar menjayakan tugasan amali secara atas talian. Selain itu, kajian juga mendapati hampir keseluruhan pelajar mempunyai pengalaman dalam mengikuti mata pelajaran berasaskan amali secara dalam talian. Beberapa cadangan telah di berikan pada penghujung artikel ini bagi menangani cabaran yang dihadapi oleh pelajar ketika sesi pembelajaran berasaskan amali secara atas talian.

CIRI-CIRI SAHSIAH PELAJAR TVET DAN CABARAN DALAM PEMBENTUKAN PELAJAR ALIRAN TVET DI UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

Khairul Anuar Abdul Rahman*, Khairunnisa Abu Hassan, Suhaizal Hashim, Mohd Erfy Ismail, Mohd Hairwan Md Noor

Faculty of Technical and Vocational Education, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia

E-mail*, anuarr@uthm.edu.my

ABSTRAK

Proses pembentukan sahsiah bagi pelajar aliran TVET semestinya menjadi cabaran sekiranya hanya melihat dari sudut kemahiran semata-mata. Ini kerana ianya turut melibatkan satu proses pembentukan generasi yang akan meneraju arus kemajuan negara. Bagi membangunkan generasi yang berkembang dan berkualiti, nilai-nilai yang seimbang selari dengan elemen-elemen yang di aspirasikan daripada Falsafah Pendidikan Kebangsaan perlu dilihat. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti ciri-ciri sahsiah pelajar aliran TVET dan mengenal pasti cabaran dalam pembentukan pelajar aliran TVET di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang temu bual semi berstruktur dan borang semakan kebolehpercayaan penilai. Sampel kajian terdiri daripada 5 orang pegawai islam di UTHM, 7 orang tenaga pengajar dan 8 orang pakar iaitu 4 orang dalam mengesahkan ciri-ciri sahsiah manakala lagi empat untuk mengesahkan cabaran dalam pembentukan pelajar. Data mentah yang diperoleh daripada temu bual dianalisis secara manual melalui beberapa fasa iaitu fasa mereduksi, menyusun dan mengekod. Hasil daripada pengesahan yang dilakukan oleh 8 orang pakar terhadap item daripada analisis data mentah, mendapati bahawa terdapat 8 ciri-ciri pelajar aliran TVET di UTHM dan 14 cabaran pembentukan pelajar aliran TVET di UTHM dengan pecahan 8 cabaran daripada aspek motivasi pelajar manakala 6 cabaran daripada aspek kekurangan sokongan sosial dengan purata keseluruhan Nilai Pekali Persetujuan Indeks Cohen Kappa ialah 1.0 bagi kedua-dua objektif kajian. Dapatan daripada kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan dalam pembangunan dan pembentukan sahsiah pelajar aliran TVET di UTHM.

Kata kunci: *TVET; sahsiah pelajar; ciri-ciri pelajar TVET; cabaran pembentukan pelajar*

DEALING WITH OCCUPATIONAL STRESS: A CASE STUDY OF FIVE SPECIAL EDUCATION TEACHERS IN SELANGOR

Aishah Hanim Abd Karim*, Muhammad Firdaus Jamal

Department of Educational Psychology and Counseling,
Kulliyyah of Education, International Islamic University Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia

Email*: aishahanim@iium.edu.my

ABSTRACT

The present study aims to discover special education teachers' reaction to occupational stress and their coping strategies in dealing with stress during and outside school hours. The qualitative phenomenological research applied a case study method among five special education teachers in Selangor, with ages ranged from 26 to 51 years old, involving three females and two male teachers. Data was collected through in-depth semi-structured interviews. It was then transcribed and analyzed using thematic analysis. The study revealed that these teachers experienced anger, tiredness, frustration and annoyance toward students, parents, and school authorities. Among the coping strategies used during school hours were sharing problem with colleagues, using phones during break, eating chocolate, drinking enough water, taking short naps, discussing problems with school management and applying new teaching pedagogy; while their coping strategies applied outside school hours include going for a vacation and sharing problems with families and close friends. Further research needs to be done to help them reduce occupational stress and eventually produce a healthy and positive working environment.

Keywords: *Case study, coping strategies, occupational stress, special education teachers*

EFFECTIVENESS OF AUGMENTED REALITY IN THE TEACHING OF ORGANIC CHEMISTRY FOR FORM SIX STUDENTS

Irni Hafizan Binti Ibrahim Bey

Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRACT

Today's educational challenges necessitate the creative use of digital technology to adapt an effective pedagogical approach in chemistry teaching, especially in the organic chemistry section. Organic chemistry has always been considered a difficult topic. Organic students are required to perform new and non-familiar drawing and interpreting tridimensional molecules on two-dimensional surfaces or predicting products of a reaction based on the nature and reactivity of the reactants and because organic chemistry is usually very fast paced due to the large quantity of topics to be covered in one semester. While various visualization tools have been developed to improve visual-spatial skills, previous studies on digital technology interventions provide limited findings on the postsecondary program which is form six science students' learning organic chemistry. The recent explosion in the popularity of smartphones and augmented reality applications is a yet to be explored way of teaching organic chemistry especially on the part of reaction mechanisms in different homologous series. Literature review analysis is the methodology used for this study. The finding shows that the use of augmented reality in teaching chemistry increases students' visual-spatial skills and in the understanding of molecular geometry, molecular chirality and molecular hybridisation. These findings can facilitate further studies on augmented reality as a visualisation tool in support of learning complex chemistry concepts in reaction mechanisms.

Keywords: *postsecondary, visual-spatial skills, organic chemistry, mechanism*

EFFECTIVENESS OF PROBLEM-BASED LEARNING TOWARD HIGHER ORDER THINKING SKILLS (HOTS) IN THE TOPIC OF RATE OF REACTION

Chuzairy Hanri *, Johari Surif , Nurul Hanani Rusli, Sariah Ali and Zhao Zhifeng

School of Education, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia

Email*: chuzairy@utm.my*

ABSTRACT

The study aimed to investigate the effectiveness of problem-based learning (PBL) approach in enhancing the Higher Order Thinking Skills (HOTS) in Chemistry topic of Reaction Rate, involving form 4 students in a boarding school located in Muar, Johor. The comparison of the students' score before and after the intervention was done to determine the effectiveness of the PBL approaches towards students' HOTS. The score of HOTS among students after the exposure to PBL approaches was determined using the pretest-posttest pre-experimental design involving processing the data from 26 students from the same group. Comparison of mean score between pre-test and post-test was analysed descriptively using T-test. The revelations were obtained: (1) the score of HOTS before and after their exposure to PBL approach show significant difference with increasing value from 5.308 score during pre-test into 7.00 score in post-test; (2) there was a significant difference in the score percentage in all HOTS items with the achievement to 100%, except for item 2. From this research study and with the proved of the data analysis, it can be concluded that the PBL model is effective towards enhancing students' HOTS in the topic of Rate of Reaction.

Keywords: *Higher Order Thinking Skills, Problem-based learning, reaction rate*

ELEMEN TEORI KOGNITIF PEMBELAJARAN MULTIMEDIA MAYER DALAM VIDEO PENCERITAAN DIGITAL UNTUK MENINGKATKAN AMALAN MEMBACA BAHAN DIGITAL (NILAM)

Junainah Abdul Jalel*

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Perkembangan teknologi perlu dimanfaatkan untuk memupuk amalan membaca dalam kalangan murid-murid seawal sekolah rendah lagi. Trend pembacaan murid-murid ke arah bahan digital perlu diberi perhatian dengan menggunakan platform yang sesuai bagi meningkatkan amalan membaca melalui bahan digital. Justeru, artikel ini bertujuan untuk menjelaskan perkaitan elemen Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia Mayer (2001) yang menjadi sandaran kepada pemilihan kandungan Video Penceritaan Digital dalam meningkatkan amalan membaca bahan digital (NILAM). Prinsip-prinsip Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia Mayer menjadi sandaran kepada penilaian kandungan Video Penceritaan Digital yang bersesuaian dengan kognitif murid dan mampu memberikan pembelajaran yang bermakna kepada mereka. Video Penceritaan Digital yang berasaskan bahan bacaan buku fizikal yang divideokan menjadi satu tarikan kepada murid-murid dalam meningkatkan amalan membaca kerana kesesuaian isi kandungan video dan aras kognitif murid-murid sekolah rendah.

Kata Kunci : *membaca, Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia Mayer, Video Penceritaan Digital.*

FAKTOR-FAKTOR PERSARAAN AWAL: TINJAUAN DALAM KALANGAN GURU-GURU NEGERI PERAK

Tajul Rosli bin Shuib[1*], Mohd Afifi bin Bahurudin Setambah [2], Mohd Syaubari bin Othman[1], Abdul Rahim bin Razalli[2], Mohd Razimi Bin Husin[5], Kama Bin Shaffeei[6,] Mohd Ridhuan bin Mohd Jamil[7]

[1,2,3,5,6,7]Jabatan Pengajian Pendidikan, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia
[4]Jabatan Pendidikan Khas, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

E-mail: tajulrosli@fpm.upsi.edu.my*, mohdafifi@fpm.upsi.edu.my, syaubari@fpm.upsi.edu.my, rahim.r@fpm.upsi.edu.my, razimi@fpm.upsi.edu.my, kama@fpm.upsi.edu.my, mridhuan@fpm.upsi.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan membuat perbandingan motivasi dan persepsi guru terhadap dunia pendidikan dan pengajaran serta faktor-faktor persaraan awal dalam kalangan guru-guru negeri Perak. Kutipan data dilaksanakan melalui pendekatan campuran kuantitatif dan kualitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik dan temu bual. Teknik pensampelan mudah digunakan bagi mendapatkan maklum balas daripada guru-guru bagi menjawab persoalan kajian dan mendapatkan peserta untuk temu bual. Seramai 772 responden telah menyertai soal selidik ini dan 73 daripada mereka telah bersetuju untuk ditemu bual. Secara keseluruhan, hasil kajian mendapati motivasi guru berada pada tahap yang tinggi manakala persepsi guru adalah sederhana tinggi. Guru yang berkhidmat lebih lama didapati mempunyai motivasi dan persepsi yang lebih tinggi. Terdapat enam faktor dominan dikenal pasti dan ditemakan iaitu bebanan kerja, tekanan pentadbiran, persekitaran sosial dan buli, pelajar dan masyarakat, kecekapan kendiri dan prasarana. Kajian ini turut memberikan beberapa cadangan agar permasalahan ini dapat dikawal pada masa hadapan. Adalah diharapkan hasil kajian ini dapat menyumbang kepada motivasi guru untuk meneruskan khidmat bakti kepada anak bangsa.

Kata kunci: *persaraan awal, motivasi guru, psikologi guru, pengurusan pendidikan*

FAKTOR-FAKTOR TEKANAN DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH DI DAERAH HULU SELANGOR

Nor Hidayah Mohammad Azhar[1*], Tajul Rosli Shuib[2]

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Email*: hidayahcikgu@gmail.com

ABSTRAK

Kajian tinjauan ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti tahap tekanan kerja yang dihadapi oleh guru sekolah rendah di daerah Hulu Selangor, Selangor. Kajian ini juga mengkaji hubungan faktor beban tugas, kekangan masa, salah laku murid dan hubungan antara personal dengan tekanan kerja guru. Seramai 97 orang guru dari tiga buah sekolah rendah di daerah Hulu Selangor telah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian ini. Penyelidik telah menggunakan borang soal selidik Tekanan Kerja dan Faktor-Faktor Tekanan Kerja yang telah diadaptasi daripada kajian Amelia (2018). Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif iaitu frekuensi, peratus dan min manakala inferensi melibatkan pelaksanaan korelasi Pearson dan ANOVA. Nilai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* bagi keseluruhan item soal selidik ini ialah 0.88. Dapatan kajian menunjukkan tahap tekanan kerja yang dihadapi oleh guru sekolah rendah di daerah Hulu Selangor, Selangor adalah sederhana. Dapatan analisis korelasi pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara faktor beban tugas dengan tekanan kerja guru ($r = 0.549$, $p \leq 0.05$), terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kekangan masa dengan tekanan kerja guru ($r = 0.731$, $p \leq 0.05$), terdapat hubungan yang signifikan antara faktor salah laku murid dengan tekanan kerja guru ($r = 0.510$, $p \leq 0.05$) dan tidak terdapat hubungan yang signifikan yang wujud antara faktor hubungan antara personal dengan tekanan kerja guru ($r = -0.096$, $p > 0.05$). Kesimpulannya, aspek faktor-faktor yang boleh mendorong tekanan kerja guru harus diberikan perhatian untuk memastikan kesejahteraan emosi guru dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan efisien. Implikasinya, kajian ini dapat memberikan gambaran tentang tahap tekanan yang dihadapi oleh guru dan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya tekanan kerja guru agar langkah-langkah yang sesuai dapat dirancang dan dilaksanakan untuk mengatasi tekanan kerja yang dihadapi oleh guru-guru di sekolah.

Kata kunci: *tekanan kerja, beban tugas, kekangan masa, salah laku murid, hubungan antara personal*

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEMAHIRAN DIGITAL PELAJAR PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL

[1] Mohammad Fitri Hakimi bin Mat Hussin, [2*]Hanifah binti Jambari

[1,2]Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Teknologi Malaysia

E-mail*:hanifah-j@utm.my

ABSTRAK

Kemahiran digital merupakan satu kemahiran yang penting bagi pelajar di institusi Pendidikan tinggi. Kelemahan pelajar dalam penggunaan teknologi berteraskan digital menyebabkan pencapaian mereka dalam pembelajaran berada pada tahap yang sederhana serta memberi kesan kepada kebolehpasaran kepada bakal graduan dalam mendapatkan pekerjaan. Sehubungan dengan itu, tujuan kajian ini adalah bagi mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran digital bagi pelajar Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV). Seterusnya, kajian tinjauan yang dijalankan secara kuantitatif yang melibatkan seramai 106 orang pelajar PTV tahun akhir bagi 4 program iaitu Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan(Elektrik dan Elektronik)-SPPR, S Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan(Kejuruteraan Mekanikal)-SPPQ, Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Binaan Bangunan)-SPPQ dan Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) -SPPH di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik yang mempunyai 21 item soalan yang mana secara keseluruhannya merangkumi tiga faktor iaitu kemudahan fasiliti, pengajaran pensyarah dan persekitaran. Hasil kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga faktor merupakan faktor yang dominan dalam mempengaruhi kemahiran digital pelajar PTV ialah faktor kemudahan fasiliti, faktor pengajaran pensyarah dan faktor persekitaran. Justeru itu, pembelajaran berteraskan digital perlu menitikberatkan ketiga-tiga faktor tersebut dalam pembelajaran pelajar PTV bagi pencapaian mereka dalam akademik.

Kata kunci: *Pendidikan Teknik dan vokasional, faktor-faktor, kemahiran digital*

GAYA KEIBUBAPAAN AUTORITATIF DAN PERMISIF TERHADAP RESILIENSI

Fauziah Md Jaafar[1*], Khaliza Saidin[2] , Nor Fauzian Kassim[3], Dedy Anshori[4]

[1,2,3]Educational Studies Department, College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah, Malaysia
[4]Institut Kariman Wirayudha (INKADHA) Sumenep, Indonesia

Email*: mjfauziah @uum.edu.my

ABSTRAK

Resiliensi merupakan salah satu elemen yang dianggap penting oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Ianya juga ditetapkan sebagai salah satu profil yang harus wujud dalam individu murid bagi menempuhi dunia global yang semakin mencabar. Kajian ini berkaitan dengan gaya keibubapaan terhadap pembangunan resiliensi dalam konteks tempatan.Tujuan kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti hubungan antara gaya keibubapaan (permisif dan autoritatif) terhadap resiliensi. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dan seramai 329 responden telah memberi respon terhadap soal selidik kajian yang mengandungi sebanyak 48 item. Analisis data kajian menggunakan statistik deskriptif dan korelasi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan negatif yang signifikan antara gaya permisif dengan resiliensi manakala gaya autoritatif mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan resiliensi. Implikasi kajian ini secara teoritikalnya memberi sokongan bahawa resiliensi boleh diterapkan di luar konteks risiko manakala secara praktikal kajian ini juga memberi garis panduan pada pihak sekolah, ibu-bapa, dan murid Sekolah Berasrama Penuh dalam membangunkan minda yang resilien melalui aspek gaya keibubapaan .

Kata Kunci: *Gaya Keibubapaan, Autoritatif, Permisif, Resiliensi*

HUBUNGAN ANTARA GAYA KEIBUBAPAAN DAN PENGGUNAAN PERANTI TEKNOLOGI DALAM PRESTASI SUBJEK BAHASA MELAYU MURID MASALAH PEMBELAJARAN

Nurul Nasriah Mohd Nasruddin*, Rohaizat Ibrahim

Jabatan Pendidikan Khas, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email*: M20211001578@siswa.upsi.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka hubungan antara gaya keibubapaan dan penggunaan peranti teknologi dalam prestasi subjek bahasa Melayu murid masalah pembelajaran. Reka bentuk kajian ini dilaksanakan secara kualitatif dengan menggunakan instrumen temu bual dan analisis dokumen. Sampel kajian melibatkan enam orang responden iaitu 3 orang murid masalah pembelajaran dan 3 orang ibu atau bapa kepada murid masalah pembelajaran . Dapatan kajian menunjukkan gaya keibubapaan permisif mempengaruhi penggunaan peranti teknologi dan memberi kesan buruk terhadap prestasi pembelajaran subjek bahasa Melayu murid masalah pembelajaran. Implikasi kajian menunjukkan bahawa terdapat keperluan dimana gaya keibubapaan yang betul terhadap penggunaan peranti teknologi memberi kesan terhadap prestasi pembelajaran subjek bahasa Melayu dalam kalangan murid masalah pembelajaran.

Kata kunci*: gaya keibubapaan, penggunaan peranti teknologi, prestasi pembelajaran bahasa Melayu, murid masalah pembelajaran*

HUBUNGAN BEBAN TUGAS DENGAN KUALITI KERJA GURU SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH KUALA NERUS, TERENGGANU.

Wan Marfazila Wan Mahmud*, Nurazafirah Razali , Nur Dina Adnan

Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia

E-mail*, wmafarzilawmahmud@unisza.edu.my

ABSTRAK

Tugasan seorang guru bukan sahaja untuk mendidik pelajar tentang mata pelajaran, malah juga melibatkan tugas pengurusan bagi menjayakan organisasi sekolah berkesan seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Tugasan guru-guru di sekolah boleh menjadi batu lonjatan untuk peningkatan kualiti kerja guru, namun bebanan tugasan juga boleh menjadi kemerosotan terhadap pencapaian guru, pelajar serta bidang pendidikan negara. Tahap bebanan tugas ini diukur berdasarkan dua jenis beban tugas guru iaitu tugasan akademik dan tugasan bukan akademik. Tugasan akademik melibatkan tugas proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc), tugasan pelajar dan tugas ujian dan peperiksaan. Manakala, tugasan bukan akademik pula melibatkan tugas pengurusan pentadbiran, pengurusan hal ehwal murid (HEM), dan pengurusan kokurikulum. Oleh itu, kajian ini membincangkan pengaruh beban tugas terhadap kualiti kerja guru sekolah menengah di daerah Kuala Nerus, Terengganu. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif dan soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Hasil daripada analisis mendapati, beban tugas guru dari aspek tugasan akademik iaitu tugas proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) menunjukkan skor min keseluruhan yang tinggi iaitu 3.75 dan sisihan piawai 0.562. Selain itu, tahap kualiti kerja guru di sekolah berada pada tahap tinggi iaitu dengan skor min 4.30 dengan sisipan piawai .375. Justeru itu, adalah diharapkan, kajian ini akan memberi manfaat kepada pemimpin, pengurusan sekolah dan guru-guru dalam usaha menyusun dan mengurus beban tugas guru agar seiring dalam meningkatkan kualiti kerja guru di sekolah.

Kata kunci: Beban Tugas, Kualiti Kerja Guru, Pengurusan

IMPAK PENGURUSAN RISIKO TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI INSTITUSI PENDIDIKAN

Mohammad Hafiz Zaini*, Rosnani Boyak, Azrizal Mohamed Zin,
Nurul Nadiah Atiqah Mohd Khair,

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor.

Email*: mhz@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kecekapan dan kesiapsiagaan dalam pengurusan risiko bagi sesebuah institusi amatlah penting dan perlu diutamakan bagi mengurangkan impak terhadap setiap risiko yang dihadapi. Dengan perancangan yang baik terhadap pengurusan risiko dapat memberikan impak yang positif kepada sesebuah institusi yang berkaitan. Pengurusan risiko bukan sahaja tertumpu kepada kesan fizikal semata-mata malah turut merangkumi pelbagai aspek lain termasuklah dari segi kewangan, motivasi, masalah kesihatan dan kebocoran maklumat. Kecekapan dan kesedaran dalam pengurusan risiko terhadap sumber manusia perlulah dipertingkat dan dipercekapkan. Impak terhadap pengurusan risiko ini boleh mengakibatkan pelbagai kesan termasuklah mengubah struktur suasana kerja, mengganggu sistem pengurusan organisasi dan mengganggu proses kerja sedia ada. Pengurusan terhadap risiko ini perlulah dititik beratkan bagi menangani apa sahaja risiko kes samaada risiko dalam jangkaan atau pun risiko luar jangka. Sesebuah institusi pendidikan wajiblah mempunyai pelan kawalan risiko dari pelbagai aspek risiko yang sentiasa ditambah baik mengikut kesesuaian semasa dan dijadikan sebagai agenda utama dalam perancangan institusi pendidikan.

Kata Kunci : *Pengurusan risiko, Impak risiko, Institusi pendidikan, risiko pengajaran dan pembelajaran*

INTERVENSI TULISAN TANGAN TERHADAP MURID AUTISME

Aznan Che Ahmad[1*], Ch'ng Hui Ling[2], Salizawati Omar[3]

[1]Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia
[2]Sekolah Kebangsaan Seberang Jaya, Seberang Jaya, Pulau Pinang, Malaysia
[3]Sekolah Kebangsaan Permatang To' Kandu, Jalan Permatang Pauh, Pulau Pinang, Malaysia

Emel*: aznan@usm.my

ABSTRAK

Dalam usaha untuk memberi pendidikan kepada murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) kita sering kurang memberi fokus kepada masalah tulisan tangan berbanding perhatian yang dikerikan kepada kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Oleh yang demikian, kajian ini berfokus pada pelaksanaan intervensi tulisan tangan untuk meningkatkan kemahiran tulisan tangan murid-murid autisme. Kajian ini merupakan sebuah kajian kes menggunakan pendekatan kuantitatif yang menekankan pendekatan intervensi dalam aspek kemahiran visual motor yang menggabungkan konsep *Brain Gym* dan *The Size Matters Handwriting Program* (SMHP). Kajian ini berbentuk kuasi eksperimental yang melibatkan ujian pra, intervensi dan ujian pasca. Data bagi kajian ini telah dikumpul melalui ujian pencapaian iaitu hasil tulisan tangan sampel. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa dalam usaha untuk memperbaiki tulisan tangan murid-murid autism, adalah penting untuk diberi perhatian kepada kesediaan belajar, bimbingan fizikal yang melibatkan bimbingan dalam bentuk isyarat visual dan maklum balas lisan, latihan dan motivasi yang berterusan. Kesemua ini merupakan langkah yang penting untuk membantu murid-murid autisme mampu memperbaiki kualiti tulisan tangan mereka. Untuk kajian masa hadapan, dicadangkan pengkaji masa hadapan melibatkan bilangan sampel yang lebih besar dan memberi perhatian kepada kadar kelajuan menulis dan tingkah murid autisme dalam kemahiran menulis.

Kata kunci: *autisme, intervensi tulisan tangan, tulisan tangan, kemahiran tulisan tangan*

JOB SEARCH SELF-EFFICACY, FINANCIAL HARDSHIP, AND EMPLOYMENT GOAL AS PREDICTORS OF JOB SEARCH BEHAVIOR AMONG STUDENTS IN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TITLE OF MANUSCRIPT

Mohd Hazwan Mohd Puad[1*] & Nur Syazratul Amira Rosli[2]

[1] Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Malaysia
[2] Kolej Vokasional Pagoh, Jalan Renchong-Gombang Pagoh, 84600, Muar, Johor, Malaysia

hazwan@upm.edu.my[1*], syazratul.amira@moe.edu.my[2]

ABSTRACT

The economic welfare of any country depends on the rate of economic growth. There are several determinants or factors for the economic development of a country. One of the major indicators for economic growth is the employment rate, as it has an adverse impact on the whole economy. The unemployment situation among graduates has grown from a matter of growing concern to an issue that worries education planners. Our 21 public- sector and 38 private-sector universities produce something like 51,000 graduates annually. However, nearly 60% remain unemployed one year after graduation, according to a study in 2018 conducted by the Ministry of Education Malaysia's Graduate Tracer Study. In line with that, it was suggested that the unemployment issue among graduates arises due to their level of job search behavior. According to the Integrative Self-Regulatory Model of Job Search Predictors, Behaviors, and Outcomes developed by (Saks, Brown, & Lent, 2005), job search behavior is a multidimensional construct where it comprises several dimensions from the previous job search research. Therefore, this study was conducted to explore the level of each predictor of job search behavior: job search self-efficacy, financial hardship, and employment goal among final-year students in UPM. Subsequently, the data collected was used to analyze the relationship between the predictors and job search behavior. This research is a quantitative and correlational study. Meanwhile, the questionnaire was developed by integrating a few established instruments from other researchers. It was then distributed to 345 respondents, consisting of final- year students from eight different faculties at UPM. The findings illustrate that participants' level of job search self-efficacy, financial hardship, and employment goal is positively predicting their level of job search behavior ($F(3,341) = 83.743$, $p < .000$) with an R2 of .424. Thus, the result of this research validates our model, where employment goal did appear to be the intermediate predictor between job search self-efficacy and financial hardship and eventually mediated job search behavior. On the other hand, this job search model can be implemented to define job seekers' requirements and to reconstruct job search interventions to their particular needs, goals, and desired outcomes. Hence, this proves that this framework can serve as a guide for future research and a problem-solving guideline.

Keywords: *job search self-efficacy, financial hardship, employment goal, job search behavior, graduate students, employment.*

KAJIAN EKSPLORASI INTERVENSI KEMAHIRAN MOTOR HALUS TERHADAP MURID BERMASALAH KOORDINASI MATA DAN TANGAN DI SEBUAH SEKOLAH SRI SINAR

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tentang kajian eksplorasi intervensi kemahiran motor halus terhadap murid bermasalah koordinasi mata dan tangan di sebuah sekolah Sri Sinar. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti kemahiran motor halus murid masalah koordinasi mata dan tangan sebelum intervensi terapi cara kerja dan mengenalpasti aspek-aspek perubahan masalah perkembangan koordinasi bagi murid masalah koordinasi mata dan tangan selepas intervensi terapi cara kerja. Kajian ini berbentuk kajian tindakan menggunakan ujian pra dan pasca, dan,temubual terhadap dua orang murid MPK berumur sembilan tahun yang menjalani intervensi terapi carakerja. Peserta kajian dikenalpasti menggunakan kaedah pemerhatian iaitu rekod andekot.Selepas intervensi terapi carakerja responden menunjukkan peningkatan tahap kemahiran motor halus yang baik. . Terdapat lima aspek perubahan yang berlaku ke atas responden selepas intervensi terapi carakerja iaitu kemahiran motor kasar, kemahiran motor halus, kemahiran kognitif, kemahiran komunikasi dan daya tumpuan. Hasil kajian setiap responden mencatat sekurang-kurangnya 3 daripada 5 aspek perubahan yang meningkat selepas intervensi dijalankan. Guru-guru juga berpuas hati dengan intervensi terapi carakerja yang telah dijalankan kerana dapatan kajian telah menyokong lima aspek perubahan yang telah dikaji dengan penambahan tiga lagi aspek iaitu kemahiran pengurusan diri, kognitif dan keyakinan diri. Kesimpulannya proses mengintegrasi teknik terapi carakerja seperti aktiviti kemahiran motor halus ke dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah berasaskan kurikulum pendidikan khas yang fleksibel.

Kata Kunci: *Kemahiran motor halus, Murid masalah pembelajaran, Terapi cara kerja*

KEBERKESANAN KAEDAH BELAJAR SAMBIL MAIN DALAM MENINGKAT KEMAHIRAN MEMBACA LISAN DALAM KALANGAN MURID-MURID BERMASALAH PEMBELAJARAN

Nurul Akmar Binti Khairuddin

ABSTRAK

Kajian kes ini adalah bertujuan untuk mengetahui sama ada kaedah belajar sambil bermain dapat meningkatkan kemahiran membaca lisan dalam kalangan murid-murid bermasalah pembelajaran. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti sama ada kaedah belajar sambil bermain berkesan dalam meningkatkan kemahiran membaca lisan bagi murid-murid bermasalah pembelajaran. Intervensi yang dilakukan adalah dengan menjalankan tiga jenis permainan iaitu teka teki suku kata, nyanyian dan kotak beracun bacaan bergred. Tiga kaedah pengumpulan data, iaitu temu bual, pemerhatian dan ujian pos dan ujian pra digunakan.Hasil temu bual dianalisis secara manual. Kajian ini melibatkan tiga orang guru Pendidikan Khas dan tiga orang murid bermasalah pembelajaran Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah belajar sambil bermain berupaya meningkatkan kemahiran membaca lisan murid bermasalah pembelajaran.

Kata kunci: kaedah belajar sambil bermain, kemahiran membaca lisan, murid-murid bermasalah pembelajaran.

KEBERKESANAN PEMBELAJARAN BERASASKAN MASALAH (PBL) DAN PENGGUNAAN APLIKASI MUDAH ALIH 3D DALAM SUBJEK ANATOMI DAN FISIOLOGI

Hasnah Mohamed[1*], Norlizah Mat Noh[2]

[1]Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia
[2] Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia Johor Bahru, Malaysia

Email: [1]hasnah-m@utm.my, [2]norlizah.mn@moh.gov

ABSTRAK

Pembelajaran berasaskan masalah (PBL) adalah kaedah pembelajaran lazim yang sering digunakan dalam pelbagai bidang termasuklah bidang anatomi, sains, matematik, dan bidang-bidang lain. Ditambah dengan teknologi seperti aplikasi mudah alih tiga dimensi (3D) yang memaparkan struktur anatomi manusia dalam bentuk 3D, PBL boleh menarik minat pelajar dan menjadikan pembelajaran lebih berkesan. Kajian ini dijalankan ke atas 55 orang pelajar yang mengikuti kelas anatomi dan fisiologi pada semester satu. Reka bentuk kajian ini adalah kajian eksperimen ujian pra dan ujian pasca kumpulan tunggal. Penyelidikan telah dijalankan selama empat minggu melibatkan empat topik subjek anatomi dan fisiologi. Ujian pra dan ujian pasca digunakan untuk mengukur keberkesanan kajian dengan menilai tahap pengetahuan pelajar. Soal selidik pula digunakan untuk melihat persepsi pelajar terhadap kaedah pembelajaran ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara markah ujian pra dan ujian pasca. Pelajar mendapat markah yang lebih tinggi dalam ujian pasca, berbanding ujian pra. Oleh itu, PBL dan aplikasi mudah alih 3D telah memberikan kesan yang positif terhadap pembelajaran anatomi dan fisiologi. Pelajar juga memberikan persepsi positif terhadap PBL dan penggunaan aplikasi mudah alih 3D, di mana majoriti pelajar bersetuju bahawa kaedah PBL berkesan, menarik dan boleh meningkatkan kemahiran berfikir serta kerjasama kumpulan. Selain itu, pelajar bersetuju bahawa aplikasi mudah alih 3D memudahkan pelajar memahami struktur anatomi manusia dengan lebih baik. Pelajar juga bersetuju bahawa gabungan aplikasi mudah alih 3D dengan kaedah PBL sesuai diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran subjek anatomi dan fisiologi. Penyelidikan ini akan menjadi asas kepada kajian lanjutan untuk meneroka kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi anatomi dan fisiologi.

Keywords: *Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL); Aplikasi Mudah Alih 3D; Anatomi dan Fisiologi*

KEBERKESANAN PENGINTEGRASIAN APLIKASI WEB 2.0 DALAM PROSES PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN MATA PELAJARAN STEM DI KALANGAN PELAJAR KOLEJ ATAU PUSAT TINGKATAN 6 DI KUALA LUMPUR.

Anizulhana

Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Penggunaan kepelbagaian aplikasi Web 2.0 dalam pendidikan yang semakin berkembang dan yang disediakan dapat membantu proses pembelajaran dan pengajaran terutama mata pelajaran STEM di kalangan pelajar Tingkatan 6. Hal ini turut akan menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran STEM. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan pengintegrasian aplikasi Web 2.0 yang telah tersedia dalam proses pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran STEM di Kolej atau Pusat Tingkatan 6 di Kuala Lumpur. Aplikasi- aplikasi Web 2.0 yang digunakan adalah aplikasi-aplikasi yang telah sedia ada seperti Quizizz, Padlet dan video Youtube. Teori pembelajaran yang diterapkan iaitu teori konstruktivisme, behaviorisme dan kognitisme. Bagi menilai keberkesanan pengintegrasian Web 2.0 ini kaedah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik digunakan dan kaedah kepustakaan melalui kajian-kajian lepas. Seramai 50 orang pelajar Tingkatan 6 terlibat dalam menilai keberkesanan pengintegrasian aplikasi Web 2.0 dalam proses pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran STEM di Kolej atau Pusat Tingkatan 6 di Kuala Lumpur. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (IBM SPSS *Statistics* 20.0). Melalui kaedah kepustakaan, dapatan kajian Ahmad Fkrudin, et.al (2019) menyatakan penggunaan portal yang telah dibangunkan sangat sesuai dengan situasi pembelajaran masa kini kerana ianya memudahkan dan memberi peluang untuk pelajar menguasai mata pelajaran dengan baik dan tidak terhad pada waktu kelas sahaja tetapi boleh diakses di mana-mana sahaja tanpa had masa dan tempat. Kenyataan tersebut disokong oleh (Lay Ah Nam, 2017) bahawa pembelajaran seperti itu harus dimanfaatkan oleh tenaga pengajar atau pensyarah dan pelajar untuk menguasai isi kandungan mata pelajaran.

Kata kunci : *aplikasi Web 2.0, STEM, pelajar Tingkatan 6.*

KECERDASAN EMOSI DAN HUBUNGANNYA DENGAN PRESTASI AKADEMIK MURID SEKOLAH RENDAH DI DAERAH PETALING PERDANA

Dharrsyini A/P Subramaniam

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris,Tanjong Malim, Perak, Malaysia

dharrsyinisubra97@gmail.com

ABSTRAK

Kecerdasan emosi murid yang pelbagai wajar diberi perhatian kerana ia memberi kesan jangka panjang terhadap prestasi akademik mereka. Tambahan lagi, kajian mengenai kecerdasan emosi boleh dijalankan bagi memberi panduan untuk menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti hubungan antara kecerdasan emosi dengan prestasi akademik bagi murid sekolah rendah di daerah Petaling Perdana. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang dijalankan secara tinjauan berasaskan soal selidik yang diadaptasi dari Instrumen *Inventori Kecerdasan Emosi.* Seramai 121 orang murid dari kalangan murid sekolah rendah dalam daerah Petaling Perdana terlibat dalam soal selidik ini. Analisis inferensi Korelasi Pearson digunakan untuk menunjukkan hubungan antara kecerdasan emosi dengan prestasi akademik murid sekolah rendah. Hasil kajian mendapati bahawa wujudnya hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan prestasi akademik murid sekolah rendah dengan nilai korelasi $r = 0.161$, ($p<a=0.05$). implikasi bagi kajian ini adalah jelaslah bahawa faktor emosi merupakan antara faktor penyumbang terhadap prestasi akademik seseorang dan faktor yang mempengaruhi emosi murid sekolah rendah dalam daerah Petaling Perdana juga wajar diberi perhatian.

Kata kunci: *prestasi akademik, kecerdasan emosi, faktor kecerdasan emosi, Inventori Kecerdasan Emosi, murid sekolah rendah*

KERANGKA STEM BERSEPADU BAGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN STATISTIK

Salbiah Mohamad Hasim*, Roslinda Rosli & Lilia Halim

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Emel*: P109006@siswa.ukm.edu.my

ABSTRAK

Kekurangan pakar dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di peringkat global mengancam pembangunan ekonomi dan kemajuan saintifik yang diperlukan untuk menyelesaikan isu-isu global. Justeru, seluruh dunia, termasuk Malaysia memerlukan masyarakat yang berpengetahuan luas dalam bidang STEM untuk menyediakan tenaga kerja profesional yang mampu bersaing di peringkat global. Kajian ini mencadangkan pendekatan pengajaran yang mengintegrasikan pengetahuan dan penerapan pengintegrasian STEM dalam pengajaran dan pembelajaran matematik. Banyak kajian mendapati bahawa pembelajaran berasaskan masalah secara berkesan meningkatkan pencapaian akademik dan menggalakkan kemahiran penyelesaian masalah. Ramai penyelidik dan pendidik telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan pendekatan pengintegrasian STEM di dalam bilik darjah. Walau bagaimanapun, terdapat banyak kekangan kepada guru untuk melaksanakan pengintegrasian STEM dalam pengajaran dan pembelajaran. Beberapa kaedah alternatif yang dikenalpasti oleh sebahagian penyelidik iaitu mengaplikasikan Proses Reka Bentuk Kejuruteraan (*Engineering Design Process* (EDP) dalam PdP matematik. Pendekatan ini dapat mewujudkan satu platform yang membolehkan pelajar memperoleh pemahaman yang mendalam tentang pengetahuan kandungan mata pelajaran, menjana idea baharu, dan mempraktikkan kemahiran abad ke-21 untuk menyelesaikan masalah dalam situasi dunia sebenar. Modul MySTAT4 (*Malaysian Statistik Module for Form Four Student*) telah dibangunkan berdasarkan pendekatan ini. Kajian ini membentangkan rangka kerja modul MySTAT4 dan panduan ringkas PdP dalam modul MySTAT4 bagi tajuk Sukatan Serakan. Modul MySTAT4 diharapkan dapat memupuk pemikiran statistik melalui empat proses iaitu menghurai data, menyusun dan mengurangkan data, mewakili data dan menganalisis dan mentafsir data serta memupuk kemahiran inventif seperti penaakulan, pemikiran kritis dan kreativiti.

Keywords: *Pengintegrasian STEM; Penyelesaian masalah; Proses Reka Bentuk Kejuruteraan Konstruktivisme*

KESAN MODUL PEMBELAJARAN FONIK TERHADAP KEMAHIRAN LITERASI AWAL MURID PRASEKOLAH: SATU KAJIAN KES

Kirtanah A/P Ravintharan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Kajian tentang kemahiran literasi awal dalam kalangan kanak-kanak berumur empat tahun di Malaysia masih terhad dan belum berkembang dengan lebih meluas lagi. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kesan Modul Pembelajaran Fonik terhadap kemahiran literasi awal kanak-kanak. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk kajian kes dengan melibatkan kaedah kuasi- eksperimen (ujian pra dan ujian pasca) dan kaedah pemerhatian berstruktur untuk mendapatkan data yang lebih mendalam dan menyeluruh. Sampel kajian adalah sebanyak 20 orang kanak-kanak berumur empat tahun yang terdiri daripada 10 orang kanak-kanak lelaki dan 10 orang kanak-kanak perempuan. Kanak-kanak tersebut dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan yang terdiri daripada 10 orang kanak-kanak bagi setiap kumpulan. Dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan Modul Pembelajaran Fonik menerapkan kemahiran literasi awal iaitu kesedaran fonologikal. Selain itu, tahap kemahiran literasi awal kanak-kanak sebelum pelaksanaan Modul Pembelajaran Fonik berada pada tahap Permulaan. Ini bermakna kanak-kanak mula mengembangkan kemahiran yang diperlukan untuk belajar membaca. Justeru, pelbagai aktiviti berfokus perlu dilaksanakan dan menyediakan pengalaman kemahiran bahasa untuk membantu kanak- kanak mempelajari lebih banyak kemahiran tentang huruf dan bunyi huruf.

Kata Kunci: *Modul Pembelajaran Fonik, Kemahiran Literasi Awal, Kemahiran Bahasa, Kesedaran Fonologikal dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak*

.

KESAN PENDEKATAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK DALAM MATA PELAJARAN SEJARAH SEKOLAH RENDAH

Vannmathi Ravichandran*, Dr. Nor Junainah Binti Mohd

Educational Studies Department, Faculty of Human Development,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Emel*: vannmathi04@gmail.com

ABSTRAK

Dalam era pengetahuan berasaskan komputer dan teknologi pada abad ke-21 ini, kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) atau Project Based Learning (PBL) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada tahun 2006. Murid mengkaji secara mendalam tentang sesuatu isu atau topik bagi menghasilkan sesuatu produk yang boleh membantu pembelajaran dan pemudahcaraan di sekolah. Kajian ini bertujuan mengkaji kesan pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) ke atas penguasaan topik-topik dalam Sejarah dalam kalangan murid sekolah sekolah rendah. Murid- murid Tahun lima yang mempunyai masalah mengingati konsep-konsep sejarah dipilih sebagai peserta kajian secara bertujuan. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan pemerhatian dan temu bual serta analisis dokumen digunakan untuk mengkaji secara mendalam tentang keberkesanan penggunaan PBP dalam mata pelajaran Sejarah. Minat murid terhadap pembelajaran telah diperhatikan dan dianalisis secara naratif. Dapatan kajian ini menunjukkan peningkatan dalam markah ujian formatif dan juga penurunan dari segi kesilapan yang fakta. Dapatan kajian ini juga menjelaskan peningkatan minat murid dalam pembelajaran sejarah dari segi aspek idea kreativiti, rasa ingin tahu yang mendalam dan juga mengambil bahagian secara aktif. Prestasi mata pelajaran Sejarah telah meningkat. Kesimpulannya, PBP ini dapat membantu murid meningkatkan pencapaian dan minat untuk belajar sejarah, terutamanya dalam kalangan murid yang berasa mata pelajaran sejarah membosankan. Perubahan sikap murid seterusnya diharapkan dapat melahirkan murid yang cinta akan negara pada masa hadapan.

Kata kunci *: Pembelajaran Berasaskan Projek, Sejarah, kreativiti, peningkatan prestasi*

KESAN PENGGUNAAN GAJET ELEKTRONIK TERHADAP PSIKOLOGI: SATU KAJIAN BERSKALA KECIL DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL

Wan Mohamad Haqiq Bin Wan Alida Fairuz[1] & Lai Chee Sern[2*], D'oria Islamiah Bt Rosli[1]

[1]Faculty of Technical and Vocational Education, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Johor, Malaysia
[2] Malaysia Rresearch Institute for Vocational Education and Training (MyRIVET), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia , Parit Raja, Johor, Malaysia

lcsern@uthm.edu.my

ABSTRACT

Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi telah mengubah lanskap pendidikan dimana gajet elektronik telah banyak digunakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Gajet elektronik merupakan satu peranti mempunyai pelbagai jenis dan fungsi. Namun begitu, ramai orang, terutamanya remaja sekolah, tidak sedar tentang risiko dan kesan negatifnya sekiranya menggunakan gajet elektronik secara tidak terkawal. Kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti kesan penggunaan gajet elektronik terhadap pelajar kolej vokasional dari segi psikologi. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 99 orang pelajar dari sebuah Kolej Vokasional yang terletak di utara semenanjung Malaysia. Borang soal selidik telah digunakan sebagai instrumen dalam kajian ini. Statistik deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai telah digunakan dalam analisis data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesan penggunaan gajet elektronik terhadap psikologi adalah sederhana. Walau bagaimanapun, penggunaan gajet elektronik masih perlu dikawal supaya kesannya tidak menjadi semakin membimbangkan pihak institusi pengajian dan ibu bapa.

Keywords: *Gajet Elektronik, Psikologi, Kolej Vokasional*

KESAN PENGINTEGRASIAN KEMAHIRAN SAINS, TEKNOLOGI, KEJURUTERAAN DAN MATEMATIK (STEM) MELALUI PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK DI SEKOLAH RENDAH

Lim Li Juan[1], Dr. Mohd Razimi bin Husin[2]

Educational Studies Department, Faculty of Human Development, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim, Perak, Malaysia

m20212003114@siswa.upsi.edu.my, razimi@fpm.upsi.edu.my

ABSTRAK

STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Matematik) telah dilaksanakan di sekolah mulai tahun 2017. Pendidikan STEM merupakan suatu pendekatan pembelajaran dan pengajaran yang dapat melatih murid untuk menghubungkaitkan pengetahuan saintifik dengan aplikasi praktikal. Pelaksanaan pendidikan STEM telah mendedahkan murid kepada suasana pembelajaran baharu kerana murid didedahkan dengan pendekatan baharu seperti Pembelajaran Berasaskan Projek (PBL). Pembelajaran berasaskan projek merupakan pembelajaran yang berpusatkan murid yang boleh meningkatkan kemahiran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik dalam kalangan murid. Artikel ini membincangkan kesan positif pengintegrasian STEM melalui pembelajaran berasaskan projek terhadap murid di sekolah rendah. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan model tinjauan untuk menganalisis pendapat guru. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan prestasi murid dengan integrasi pendidikan STEM melalui Pembelajaran Berasaskan Projek di sekolah rendah. Kesimpulannya, sekolah menekankan kepada pengintegrasian STEM dalam PBL membolehkan murid belajar dengan cara yang berbeza untuk meningkatkan minat, motivasi dan prestasi murid secara keseluruhannya. Kajian ini dapat membantu penyelidik pendidikan mengenal pasti peluang penyelidikan yang berkaitan dengan pendidikan STEM di sekolah rendah.

Kata kunci*:* *kesan positif, kemahiran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), pembelajaran berasaskan projek, sekolah rendah*

KESEDIAAN DAN MOTIVASI PENGGUNAAN E-PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN PELAJAR FPTV DI UTHM

Nurain Shahfeeka Borhan[1] & Nurul Hidayah Liew Abdullah[1]*

[1]Faculty of Technical and Vocational Education,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

ABSTRAK

E-pembelajaran ialah kaedah PdP yang menggunakan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi untuk melaksanakan pembelajaran interaktif. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pembelajaran ini masih menimbulkan beberapa kekangan dalam kalangan pelajar menyebabkan pembelajaran dalam talian kurang berkesan. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengkaji kesediaan dan motivasi e- pembelajaran dalam kalangan pelajar. Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan menggunakan pendekatan kuantitatif. Data dikumpul menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada responden melalui aplikasi *Google Form*. Soal selidik kajian ini telah disesuaikan dan diubah suai oleh penyelidik terdahulu dan kemudiannya disahkan oleh pakar sebelum diedarkan kepada responden. Seramai 152 responden yang terdiri daripada pelajar tahun 1 terlibat dalam kajian ini yang dipilih melalui persampelan rawak mudah. Data dianalisis dengan analisis deskriptif iaitu skor min dan sisihan piawai serta analisis inferensi iaitu korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesediaan dan motivasi untuk menggunakan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar berada pada tahap tinggi. Di samping itu, hasil kajian juga mendapati bahawa terdapat hubungan positif sederhana antara kesediaan dan motivasi pelajar terhadap penggunaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar. Kesimpulannya, pandemik Covid-19 tidak menjejaskan kesediaan dan motivasi pelajar tahun 1 terhadap penggunaan e-pembelajaran walaupun terdapat kekangan dan cabaran dalam penggunaannya.

Kata kunci: Kesediaan, Motivasi, E-pembelajaran, Covid-19

KESEDIAAN GURU PENDIDIKAN KHAS DALAM PELAKSANAAN PROGRAM TRANSISI KERJAYA DI DAERAH MANJUNG: SATU KAJIAN KES

Norizan Mohd Tajuddin[1], Kama Shaffeei[2]

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris

[1]norizanmohdtajuddin@gmail.com, [2]kama@fpm.upsi.edu.my

ABSTRAK

Penyelidikan ini dijalankan untuk melihat tahap kesediaan Guru Pendidikan Khas (GPK) dalam melaksanakan Program Transisi Kerjaya (PTK) bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran (MBPKMP) di Daerah Manjung, Perak. Selain itu kajian ini juga bertujuan untuk meneroka kekangan yang dihadapi guru dalam melaksanakan PTK. Pendekatan kualitatif menggunakan kaedah pemerhatian dan kaedah temubual berstruktur kepada tiga orang GPK di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) sekolah menengah di Daerah Manjung. Dapatan kajian menunjukkan tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan PTK berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian juga telah mengenalpasti lima kekangan yang dihadapi guru dalam pelaksanaan PTK iaitu (1) tiada pengetahuan yang baik terhadap PTK, (2) guru kurang bersedia, (3) tiada kolaborasi antara guru-guru Pendidikan Khas (4) tiada kursus dan bimbingan berterusan dan (5) tahap kesediaan MBPKMP yang lemah. Sehubungan dengan itu, pelbagai tindakan perlu diambil bagi memastikan mutu dan tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan PTK berada pada tahap yang lebih baik. Selain itu setiap kekangan perlu diperhalusi bagi memastikan matlamat PTK berjaya dicapai. Secara tidak langsung kebolehpasaran Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) sebagai pembangunan modal insan yang memberi impak kepada pembangunan negara (KPM, 2019) dapat ditingkatkan.

Kata kunci: *Kesediaan, Guru Pendidikan Khas, Program Transisi Kerjaya, Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran*

KESEDIAAN UNTUK BERUBAH: PERANAN KEPEMIMPINAN KEUSAHAWANAN PENGETUA SEKOLAH TS25

Suhaida Abdul Kadir, Sharanjit Kaur A/P Harbhajan Singh, Muhd Khaizer Omar, Rahimah Jamaluddin, & Mohd Hazwan Mohd Puad

Jabatan Pendidikan Sains dan Teknikal, Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia, MALAYSIA

ABSTRAK

Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) adalah satu satu inovasi pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan sekolah dalam menyediakan pendidikan berkualiti sesuai dengan pembelajaran abad ke 21. Program ini merangkumi peningkatan kemenjadian murid dan kualiti sekolah melalui pengurusan organisasi dan pedagogi yang berkesan. Kejayaan pelaksanaan program TS25 bergantung kepada kesediaan perubahan guru sebagai agen pelaksana. Pada masa yang sama, kepemimpinan pengetua berperanan dalam memberi sokongan terhadap guru untuk menerima perubahan. Kepemimpinan keusahawanan merupakan kepemimpinan yang relevan kepada pengetua dalam menerajui perubahan dalam pendidikan. Kertas kerja ini melaporkan dapatan kajian berkaitan peranan kepemimpinan keusahawanan pengetua dalam meningkatkan kesediaan perubahan guru bagi sekolah yang terlibat dengan program TS25. Terdapat tiga objektif khusus iaitu (a) menentukan tahap kesediaan perubahan guru terhadap program TS25; (b) menentukan tahap pengetua sekolah program TS25 memiliki kepemimpinan keusahawanan; (c) menentukan hubungan antara kepemimpinan keusahawanan pengetua dengan kesediaan perubahaan guru bagi sekolah program TS25. Kesediaan perubahan guru terhadap program TS25 diukur mengguna soal selidik yang diubah suai daripada Thien (2019). Manakala kepemimpinan keusahawanan pengetua diukur mengguna soal selidik yang diubah suai daripada Thornberry (2006) dan Iskandar (2020). Seramai 220 guru sekolah program TS25 telah menjawab soal selidik yang diedar dalam bentuk borang dalam talian. Dapatan kajian menunjukkan kesediaan perubahan guru terhadap program TS25 adalah tinggi. Pada masa yang sama juga, pengetua sekolah program TS25 memiliki kepemimpinan keusahawanan yang tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kepemimpinan keusahawanan pengetua sekolah program TS25 dengan kesediaan perubahan guru terhadap program TS25. Analisis regresi pelbagai yang dijalankan memperincikan dimensi kepemimpinan keusahawanan yang menyumbang kepada kesediaan perubahan guru terhadap program TS25. Dapatan kajian ini memberi implikasi yang penting terhadap bentuk peningkatan profesional pengetua yang memimpin sekolah program TS25.

Kata kunci: *Kepemimpinan Keusahawanan; Sekolah Program TS25; Kesediaan untuk Berubah; Sekolah; Guru*

KONSEP KEPIMPINAN DISTRIBUTIF PENGETUA BAGI MENINGKATKAN KOMITMEN GURU KE ARAH PERUBAHAN ORGANISASI SEKOLAH DI MALAYSIA

Muhammad Aizuddin Izzat Mad Tarmizi[1], Abd Aziz Sulaiman[2*] & Abdullah Ibrahim[3] [1-3]

Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Nerus, Malaysia

E-mail[*], abaziz@unisza.edu.my

ABSTRAK

Kualiti kepimpinan yang tinggi dalam pentadbiran dn pengurusan sekolah amat penting ke arah mewujudkan sekolah cemerlang dan melahirkan generasi yang berkualiti. Sistem pendidikan semakin kompleks dan mengalami perubahan dari masa ke masa. Kepimpinan perlu sesuai dengan perubahan agar dapat diterima oleh semua pekerja dalam organisasi. Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk menjelaskan konsep kepimpinan distributif pengetua serta kesannya terhadap komitmen guru dan perubahan organisasi. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan kaedah kajian kepustakaan bagi mendapatkan sumber-sumber dalam menganalisis objektif kajian telah digunakan. Kaedah triangulasi digunakan untuk melihat perkaitan di antara komitmen guru dengan dimensi kepimpinan distributif dan perubahan organisasi. Dapatan kajian dijelaskan dengan menggunakan pendekatan penerangan (explanatory) berkaitan konsep kepimpinan distributif pengetua, komitmen guru dan perubahan organisasi. Kemudian kaedah penerangan itu digunakan untuk menganalisis dan menghuraikan aplikasi konsep dan elemen kepimpinan distributif pengetua terhadap komitmen guru ke arah perubahan organisasi sekolah. Dapatan kajian menunjukkan wujud empat dimensi kepimpinan distributif iaitu; i) visi, misi dan matlamat sekolah, ii) budaya sekolah, iii) amalan kepimpinan serta iv) perkongsian tanggungjawab. Kajian juga mendapati dalam konteks perubahan organisasi terdapat dua dimensi iaitu kesediaan perubahan organisasi dan efikasi terhadap perubahan. Dapatan kajian terakhir iaitu aplikasi kepimpinan distributif pengetua bagi meningkatkan komitmen guru ke arah perubahan organisasi sekolah dianalisis dengan menerangkan keistimewaan kepimpinan distributif, kebaikan pelaksanaan kepimpinan distributif, kesan pelaksanaan kepimpinan distributif, faktor dan isu komitmen guru serta strategi meningkatkan komitmen guru terhadap perubahan organisasi. Dapatan kajian ini boleh digunakan oleh pihak tertentu seperti Majlis Pengetua Sekolah Menengah Malaysia, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri, Jemaah Nazir Sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menambah baik kualiti kepimpinan sekolah.

Keywords: *Kepimpinan Distributif, Komitmen Guru, Perubahan Organisasi*

KONSEP PELABELAN DALAM MEMPENGARUHI PEMBENTUKAN TINGKAH LAKU DELINKUEN REMAJA DI KAWASAN LUAR BANDAR

Nur Emielia Binti Manaf[1] & Mohd Razimi Bin Hussin[2]

Faculty of Human Development, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA

Emielyaamanaf@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji mengenai konsep pelabelan terhadap tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja di kawasan luar bandar. Fokus kajian ini adalah untuk memahami jenis-jenis pelabelan yang dilakukan oleh agen-agen sosialisasi, mengenal pasti ciri-ciri devian menurut teori pelabelan dan menganalisis kesan-kesan pelabelan dalam mempengaruhi tingkah laku delinkuen remaja. Pendekatan kuantitatif digunakan dalam menjalankan kajian ini. Sampel kajian ini dipilih menggunakan teknik persampelan rawak yang melibatkan 100 orang pelajar berusia 13 dan 16 tahun di Sekolah A, Jeneri, Sik, Kedah. Metodologi kajian ini berbentuk tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Analisis data kajian ini menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for the Social Sciences) versi 25.0 bagi menganalisis data yang berbentuk statistik deskriptif (min dan sisihan piawai). Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa jenis pelabelan secara formal dan tidak formal memang berlaku dalam kalangan remaja di kawasan luar bandar. Selain itu, hasil kajian juga mendapati ciri agen kawalan sosial memainkan peranan yang penting dalam proses pelabelan merupakan ciri yang paling dominan dalam konsep pelabelan ini. Seterusnya, hasil kajian juga mendapati bahawa pelabelan ini memberikan pelbagai kesan kepada remaja sehingga terlibat dalam tingkah laku delinkuen. Oleh itu, pengkaji telah mencadangkan beberapa strategi bagi dalam memastikan bahawa konsep pelabelan yang dilakukan oleh agen-agen sosialisasi dapat dikurangkan dalam kalangan masyarakat. Kesimpulannya, pelbagai pihak seperti ibu bapa, pihak sekolah dan guru dapat mengambil kira bahawa konsep pelabelan yang mempengaruhi remaja masalah devian ini dapat mengambil langkah yang terbaik bagi mengelakkan remaja terjebak dengan tingkah laku delinkuen.

Kata kunci : Pelabelan, Delinkuen, Remaja, Luar Bandar

KREATIVITI MELALUI IMAGINASI: ANALISIS KEMENJADIAN MURID BERLITERASI STEM MELALUI PROGRAM INISIATIF WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030

Nurzatulshima Kamarudin*, Arnida Abdullah, Marzni Mohd. Mokhtar, Siti Rahayu Abdul Ghaffar, Ashana Saffie, Zeiti Zulhani Zakaria, & Nurul Norzakiah Mohd. Nasir

Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, Malaysia

nzshima@upm.edu.my *

ABSTRAK

Matlamat Pendidikan STEM adalah untuk melahirkan murid berliterasi STEM yang berupaya untuk mengenal pasti, mengaplikasi dan mengintegrasi konsep STEM bagi menyelesaikan masalah secara kreatif. Selaras dengan pembangunan insan yang holistik melalui matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, keupayaan murid berfikiran terbuka, kreatif dan mampu membina kerjaya merupakan agenda pendidikan yang perlu dipandang serius. Justeru, platform pembelajaran dan penerokaan perlu disediakan kepada murid agar mereka dapat menjana idea kreatif dan berfikir ke aras lebih tinggi. Kemahiran mental yang diasah melalui daya imaginasi membolehkan murid memikirkan bayangan, strategi atau kaedah untuk menjana idea secara efektif. Kajian berkaitan kreativiti murid telah dilaksanakan melalui Program Peduli Pendidikan di sebuah sekolah di Jerteh Terengganu yang melibatkan 50 murid dipilih secara rawak. Instrumen skema pemerhatian telah digunakan. Melalui pemerhatian yang dibuat, murid dapat menganalisis pelbagai soalan, membuat imaginasi, mereka cipta, menambah baik dan mengeluarkan idea dalam menghasilkan produk yang kreatif dalam menyelesaikan masalah. Analisis pemerhatian menunjukkan, kemahiran Abad Ke-21 (PAK-21) iaitu elemen Kreativiti, Pemikiran kritis, Komunikasi dan Kolaboratif turut dapat diterapkan apabila murid bekerja dalam kumpulan, bersoal jawab, berhujah dan bekerjasama. Hasil analisis pemerhatian berdasarkan lakaran, dapat menggambarkan imaginasi murid sekali gus menghasilkan idea kreatif dan produk inovasi yang mengaplikasikan konsep dan komponen STEM dalam menyelesaikan masalah harian. Kesimpulannya, murid dilihat menunjukkan daya kreativiti yang tinggi berdasarkan aktiviti imaginasi yang dihasilkan. Pelbagai pihak perlu menyediakan ruang agar kemahiran berimaginasi, kemahiran PAK-21 dan Pendidikan STEM dalam kehidupan seharian dapat diterapkan dalam PdP.

Keywords: *Creativity, imagination, STEM literacy, thinking skills, problem solving*

MARKETABILITY OF BACHELOR'S DEGREE STUDENTS FPTV, UTHM : AN OVERVIEW OF THE ELEMENTS OF PERSONAL COMPETENCE AND QUALITY

Nor Anis Intan Aqiah Tukiran[1], Muhaini Nazirah Abdul Ghani[2], Nor Aziah Ahmad[3], Siti Hajar Zakariah[4] & Lisa Mariam Syawal Ismail[5]

[1,2,3,4,& 5] Vocational Education Department, Universiti Tun Hussein Onn

Malaysia E-mail : noranis@uthm.edu.my

ABSTRACT

The aim of this study is to identify the level of employability elements in terms of competencies (professional ability, individual ability, vocational ability, social ability and entrepreneurship and innovation), and personal quality (language proficient, personality and computer skill and information technology). The data of this study was collected using a questionnaire involving 127 respondents consisting of final year students for the FPTV undergraduate program, UTHM. Based on the mean score value that has been analyzed using SPSS found that the professional and vocational capability of students is at a high level while the individual, vocational and entrepreneurial capability and innovation of students are at a moderate level. For students' language proficiency, the data shows that the proficiency of Bahasa Malaysia and English are at a high level, while the third language shows at a low level. For students' personality and computer skills and information technology proficiency are at a high level. Hence, elements of competence and personal quality are seen to be closely related to each other in determining the employability of graduates. Therefore, the emphasis on these two elements needs to be given from various parties, especially the TVET educational institutions.

Key Words: *Employability element, competencies, element of competence, personal quality, TVET graduates*

MASALAH KESIHATAN MENTAL DALAM KALANGAN PELAJAR DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

Nurul Aien Arifah Mohamad Zaidi, Mohd Razimi Husin

Jabatan Pengajian Pendidikan, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

razimi@fpm.upsi.edu.my

ABSTRAK

Kesihatan mental adalah keupayaan seseorang individu dalam mengawal emosi yang berkait rapat dengan fikiran, perasaan dan tindakannya apabila menghadapi pelbagai situasi. Mempunyai kesihatan mental yang baik mampu meningkatkan motivasi dalam diri seseorang. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk membincangkan tentang masalah kesihatan mental dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan dengan mengkaji artikel-artikel lepas berkaitan dengan masalah kesihatan mental. Secara umumnya, berdasarkan kajian yang dibuat, kebanyakkan artikel menunjukkan bahawa pelajar mempunyai tahap kesihatan mental yang baik namun begitu masih berpotensi untuk menghadapi tekanan psikologikal yang lebih tinggi sepanjang kehidupan di kampus. Kebanyakkan kajian juga menunjukkan tahap kesihatan mental pelajar berada pada tahap tinggi dan sederhana. Oleh hal itu, lebih banyak program kaunseling dan kebajikan pelajar perlu dibangunkan bagi pencegahan masalah kesihatan mental dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi. Keperluan untuk mempromosikan tentang kesihatan mental dalam masyarakat juga perlu dilakukan dengan lebih giat untuk menyedarkan masyarakat tentang masalah kesihatan mental yang semakin serius.

Kata Kunci : *kesihatan mental, pelajar, institusi pengajian tinggi, Inventori Kesihatan Mental*

MASTERY OF VOCABULARY AMONG FORM 2 STUDENTS

Kaveta D/O G.Veerakannan and Mohd Razimi Bin Husin

Educational Studies Department, Faculty of Human Development, Sultan Idris Education University, Malaysia

E-mail :v.kaveta@gmail.com, razimi@fpm.upsi.edu.my

ABSTRACT

The aim of this study was to find out students' mastery of vocabulary. The study was based on three objectives such as, to identify the mastery of vocabulary among Form 2 students, to identify the reasons for the poor mastery of vocabulary among Form 2 students and to provide solutions for the poor mastery of vocabulary among Form 2 students. The researcher used cognitive theory for this study. Cognitive theory was used by the researcher to identify the mastery of vocabulary among Form 2 students, which is the first objective of the study. The mixed mode of research with quantitative and qualitative approaches was used in this study. The research was conducted in secondary schools from Hulu Langat district in Selangor. In this study, 74 Form Two students from secondary schools who took the English subject and five teachers who taught English subjects, were included as respondents of the study. The researcher used worksheets to identify the problems and also used the interview method to identify the reasons why such students faced problems and to find solutions to the problems faced by Form Two students in the mastery of vocabulary. The findings of the study showed that the students have problems such as inability to remember the meaning of words, inability to understand the meaning, inability to use the correct language to write the meaning, inability to construct sentences using the meanings of words and inability to form sentences clearly and concisely using the vocabulary they have learnt. Moreover, 10 reasons were identified for the problems and 11 solutions were provided. The study will benefit both the students and teachers.
Keyword: Mastery, Vocabulary

MENGENAL DAN MENYELESAIKAN PERBEZAAN INDIVIDU SEMASA PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI SEKOLAH

M. Usman ali, Mohd Razimi Husin

Educational Studies Department, Faculty of Human Development, Sultan Idris Education University, Malaysia

Email: M.usmanali0897@gmail.com

ABSTRAK

Perkara yang paling penting yang mesti difahami oleh seorang guru ialah beberapa perkara seperti ciri fizikal, peribadi, jantina, kebolehan, gaya pembelajaran, masalah yang menjadi perbezaan individu dalam diri pelajar. Proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan produktif boleh dirancang dengan mengambil kira perbezaan individu pelajar ini. Disebabkan pelajar mempunyai kebolehan yang berbeza, ciri-ciri ini perlu diambil kira oleh guru. Tujuan kajian ini adalah untuk menerangkan perbezaan individu dalam pengajaran dan pembelajaran serta cara-cara mengatasinya. Kajian ini menggunakan kaedah kajian literatur. Mengikut dapatan kajian, separuh daripada guru menyatakan perbezaan individu adalah penting untuk mengenalpasti gaya pembelajaran siswa. Sekali lagi, separuh daripada guru menekankan bahawa ujian, kerja rumah dan sebagainya adalah untuk menyesuaikan pembelajaran dengan gaya pembelajaraan murid. Guru juga menyatakan bahawa untuk mereka bentuk proses pengajaran-pembelajaran yang sesuai dengan perbezaan individu, pelajar mengambil bahagian secara aktif dalam pelajaran dan perbezaan individu boleh diatasi dengan meningkatkan eksperimen dan kajian sekolah.

Kata kunci: perbezaan individu, proses pengajaran dan pembelajaran

MENGUKUR PERUBAHAN EFIKASI PENGAJARAN GURU PELATIH SEMASA LATIHAN MENGAJAR MENGGUNAKAN PROSEDUR 'STACKING' DALAM ANALISIS MODEL RASCH

Ahmad Zamri bin Khairani[1*], Mohd Zahuri bin Khairani[2]

[1]Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, 11800 Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang
[2]Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, 35900 Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan

E-mail[*], ahmadzamri@usm.my

ABSTRAK

Dalam kajian berbentuk pengukuran berulang (*repeated measure*), adalah dijangkakan kebolehan responden akan meningkat selepas melalui intervensi yang dijalankan Walau bagaimanapun, seperkara yang harus diingat ialah, selain daripada perubahan dari segi kebolehan responden, kesukaran item yang digunakan juga turut berubah. Pada kebiasaannya, item menjadi lebih mudah untuk dijawab semasa ujian pasca berbanding dengan semasa ujian pra. Bagi mengatasi masalah ini, model Rasch telah memperkenalkan prosedur yang dinamakan 'stacking'. Prosedur ini mampu mengukur perubahan dalam kebolehan responden selepas satu intervensi, tetapi dengan mengekalkan kesukaran item yang digunakan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji perubahan dalam efikasi pengajaran guru pelatih sebelum dan selepas latihan mengajar. Seramai 152 orang guru pelatih dari dua buah universiti awam terlibat dalam kajian ini. Skor dari *The Teachers Sense of Efficacy Scale* telah digunakan sebagai ujian pra dan ujian pasca bagi kajian ini. Skor pra dikutip sebelum mulanya latihan mengajar, manakala skor pasca dikutip di antara minggu ke 12 dan minggu ke 14 latihan mengajar. Dapatan menunjukkan secara umumnya guru pelatih menunjukkan skor efikasi pengajaran yang lebih baik pada akhir latihan mengajar (min skor = 3.44 logits) berbanding dengan sebelum latihan mengajar (4.27 logits). Secara lebih spesifik, 88 orang guru pelatih (57.9%) menunjukkan peningkatan skor efikasi pengajaran (di antara 0.25 – 8.83 logits), 20 orang guru pelatih tiada perubahan, manakala terdapat 13 orang guru pelatih yang mengalami penurunan skor efikasi pengajaran semasa latihan mengajar. Selain daripada itu, kertas kerja ini juga akan memberikan maklumat dalam bentuk grafik berkaitan perubahan yang berlaku yang dapat membantu memahami dengan lebih lanjut kesan latihan mengajar terhadap efikasi pengajaran guru

Kata Kunci: *Model Rasch; 'stacking', efikasi pengajaran, The teachers' Sense of Efficacy Scale; latihan mengajar*

NILAI MURNI DALAM CERITA LAGENDA MAHSURI

Nor Hasimah Ismail, Zolkefli Bahador dan Mardzelah Makhsin

Universiti Utara Malaysia

nor_uum@yahoo.com

ABSTRAK

Cerita lagenda terbahagi kepada dua penggolongan karya iaitu lagenda yang bercorak setempat dan bercorak menjelajah. .Kisah lagenda ini selalunya mengenali seseorang tokoh. Masyarakat sebenarnya percaya bahawa tokoh tersebut hidup dan pernah wujud. Karya ini mendapat tempat dikalangan masyarakat kerana banyak contoh teladan yang dipaparkan. Kajian ini akan meneliti cerita Mahsuri berkaitan aspek nilai murni. Penerapan nilai murni penting bagi sesebuah karya. Ini kerana akan menjadi contoh teladan berguna kepada khalayak pembaca. Secara tidak langsung membantu juga membentuk jati disamping menjadi panduan dan teladan kepada masyarakat dan generasi akan datang.

Kata kunci: Cerita lagenda, warisan, masyarakat, contoh dan teladan

OF DEVELOPING CARING THINKING AMONG OUR LEARNERS: DO WE REALLY CARE?

Anis Shaari

School of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia

Email : anisshaari@usm.my

ABSTRACT

Of late, the construct of Caring Thinking, which is supposed to be regarded as equally important as Critical Thinking and Creative Thinking, has been trending in intellectual endeavour – making certain names like Nel Noddings, Matthew Lipman and Ann Margaret Sharp be crafted in current conceptual and empirical discussions. The term 'care' has been argued to offer multifaceted definitions, which include both the intrapersonal and the interpersonal dimensions of human relationships. Of the different perspectives associated with 'care', the author would like to draw the readers' attention to the aspect of care within the education realm. This paper, thus, serves to provide a platform of discussion on understanding Caring Thinking and its essences. Such understanding is anticipated to contribute significantly towards the pedagogical implications in the country's education.

Keywords: Caring Thinking; Care.

KEMAHIRAN, SIKAP DAN CABARAN GURU DALAM PENERAPAN PEMIKIRAN SEJARAH

Mohd Mahzan Awang[1], Abdul Latiff Abdul Rahman[2] & Maizun Samad[1]

[1]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

[2]Pondok Sungai Durian, Kuala Krai, Kelantan

mahzan@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap kompetensi guru-guru Sejarah dari dimensi pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap penerapan pemikiran Sejarah. Selain itu, kajian ini juga turut mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru-guru Sejarah dalam penerapan kemahiran berfikir Sejarah. Kajian menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama. Seramai 144 orang guru terlibat sebagai responden dalam kajian ini yang terdiri daripada guru-guru Sejarah. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS 22.0. Analisis deskriptif melibatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai dijalankan bagi menentukan profil demografi kajian dan menentukan tahap kompetensi guru-guru Sejarah serta menentukan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru-guru Sejarah dalam penerapan pemikiran Sejarah terhadap pelajar. Dapatan kajian menunjukkan tahap kemahiran guru-guru Sejarah dalam penerapan kemahiran berfikir Sejarah adalah berada pada tahap tinggi. Begitu juga dari aspek sikap guru-guru Sejarah dalam penerapan kemahiran berfikir Sejarah yang mana dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan berada pada tahap tinggi. Cabaran utama yang didepani majoriti guru adalah berkaitan kekurangan bahan bantu belajar yang sesuai untuk aktiviti kemahiran pemikiran Sejarah. Walaupun dapatan kajian ini menunjukkan tahap kemahiran dan sikap guru dalam penerapan pemikiran Sejarah adalah tinggi, sejauh mana proses pengajaran pembelajaran Sejarah berupaya meningkatkan kemahiran berfikir Sejarah memerlukan satu kajian empirical lanjutan.

Kata Kunci: Kemahiran Pemikiran Sejarah, guru sekolah, pendidikan, sikap, kemahiran

PEDAGOGICAL APPROACHES AND CHALLENGES IN DELIVERING 21ST CENTURY LEARNING DURING MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO) PANDEMIC COVID 19 IN MALAYSIA

Nik Muhammad Hanis Bin Nek Rakami, Nik Ahmad Hisham Ismail

Email : nik.mdhanis@fpm.upsi.edu.my , nikahmad@iium.edu.my

ABSTRACT

Teaching and learning process all over the world has been affected by the Novel CoronaVirus Disease (COVID-19). This pandemic has brought the new paradigm in the pedagogical approaches. Therefore, in the light of that matter, this study has been done to find out the practices, strategies and at the same time to explore challenges in delivering lessons. The researchers conducted 10 series of Focus Group Discussions with the total numbers of 81 teachers from 6 zones of Malaysia (Central Peninsular, West coast Peninsular, East coast Peninsular, Northern, Southern Peninsular, Sabah and Sarawak) where 3 groups of age involved in this study (25-35 years old, 36-45 years old and 46-60 years old). Thematic analysis on analyzing data collection has been carefully applied. The result of this study identifies a variety of pedagogical approaches that have been applied, such as peer discussion, Project Based Learning, interactive games, Online Round Table Brainstorming, Role Play, Presentation. Apart from that, this study also highlights the challenges in implementing teaching and learning sessions such as access to proper technology gadgets, internet connection, motivation, eLearning literacies. The findings indicate that teachers are committed in delivering 21st century learning during MCO but it needs flexibility due to the obstacles faced by students and teachers.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KEMAHIRAN MENULIS DI SEKOLAH RENDAH

Hasniza Mat Reffein, Mohd Razimi Husin

Jabatan Pengajian Pendidikan, Fakulti pembangunan manusia ,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,Tanjung malim,Perak Malaysia

razimi@fpm,upsi.edu.my

ABSTRAK

Kemahiran menulis merupakan kemahiran kognitif yang sangat kompleks dan mencabar bagi seorang guru terutamanya semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Artikal ini mempunyai satu objektif utama iaitu mengkaji strategi pengajaran yang diaplikasikan oleh guru, menganalisis permasalahan kemahiran menulis yang dihadapi oleh guru dan murid dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Hasil kajian mendapati guru bersetuju bahawa mereka mengajarkan murid kemahiran penulisan yang mudah kepada sukar. Strategi sebegini patut dilaksanakan kerana dapat membantu memudahkan pemahaman murid terhadap kemahiran menulis dalam Bahasa Melayu yang dipelajari. Sorotan literatur dilakukan bagi mendapat maklumat yang lebih tepat serta pemahaman yang lebih mendalam tentang terminologi yang berkaitan. Tindakan carian artikel-artikel yang berkaitan dilakukan melalui pelayaran pengkalan data dengan menggunakan kata kunci Aplikasi strategi kemahiran menulis. Hasil penelitian kepada literatur dan kajian lepas menunjukkan terdapat beberapa strategi yang boleh digunapakai supaya pelajar dapat menulis dengan lebih mahir. Pemahaman melalui sorotan kajian ini dapat menjadi panduan dalam proses penyediaan bentuk pendidikan yang lebih tepat dengan keperluan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis dalam kalangan murid sekolah rendah.

Kata kunci: Aplikasi strategi kemahiran menulis

PELAKSANAAN PROGRAM MUDARIS DALAM MENINGKATKAN KREATIVITI DAN INOVASI GURU PENDIDIKAN ISLAM

Mardzelah binti Makhsin , Nur Hazwani binti Yusof, Nor Hasimah binti Ismail dan Mohamad Fadhli bin Ilias

Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Kreativiti dan inovasi merupakan salah satu elemen penting dalam dunia pendidikan bagi memastikan mutu dan kualiti pendidikan dapat di pertingkatkan agar dapat bergerak seiring dengan pendidikan di negara maju. Oleh itu, sebuah program Program Membangun Ummah Darul Al-Quran dan Al-Sunnah Realisasi Inovasi Sosial atau ringkasannya disebut sebagai MUDARIS telah dilaksanakan bagi memperkenalkan kepentingan kreativiti dan inovasi ini kepada guru pendidikan Islam di daerah Padang Terap, Kedah. Program ini bertujuan untuk mendedahkan kepada guru dengan teknik pengajaran dan pemudahcaraan dengan mengaplikasikan elemen PDPC berdasarkan DSKP serta elemen kreativiti dan inovasi dalam menghasilkan bahan bantu mengajar supaya dapat meningkatkan pencapaian mata Pendidikan Islam berasaskan Al-Quran dan Al-Sunnah ke tahap yang lebih tinggi. Selain itu, program ini berlangsung selama 3 kali yang merangkumi 3 jenis bengkel. Bengkel pertama memfokuskan kepada perkara yang berkaitan dengan teori PAK 21, teori inovasi dan kreativiti serta keperluan dan kepentingannya dalam pendidikan, serta cara melaksanakan kajian tindakan. Pengisian pada bengkel kali kedua pula lebih memfokuskan kepada amali atau praktikal inovasi, di mana setiap peserta membentangkan satu produk inovasi yang telah dihasilkan secara berkumpulan serta dinilai oleh juri-juri yang terlibat. Manakala, bengkel pada hari ketiga pula melibatkan pembentangan penulisan kajian tindakan yang telah dihasilkan oleh peserta. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat perubahan dalam kefahaman guru pendidikan Islam tentang kreativiti dan inovasi dalam menghasilkan bahan bantu mengajar sebelum dan selepas menghadiri program MUDARIS ini malah para guru semakin mengetahui tentang kaedah penghasilan kajian tindakan yang baik dan sempurna.

Kata kunci:

PEMBANGUNAN PENDIDIKAN DI MALAYSIA DAN HUBUNGANNYA DENGAN REVOLUSI INDUSTRI 4.0

Ramli bin Saadon, Abdul Talib bin Hashim

Jabatan Pengajian Pendidikan, Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim Perak Darul Ridzuan

Email: ramli.saadon@fpm.upsi.edu.my

ABSTRAK

Pada masa ini sering kita mendengar apa sahaja perkembangan sama ada politik,ekonomi mahupun sosial menggunakan istilah revolusi Industri 4.0. Mungkin makna ini begitu lunak digunakan untuk menggambarkan peri pentingnya perubahan yang harus dibawa dalam usaha menjadikan negara Malaysia setaraf dengan negara-negara maju. Era globalisasi sering diwar- warkan bagi membolehkan masyarakat di Malaysia agar sedar bahawa mereka akan ketinggalan sekiranya mereka tidak memanfaatkan era Revolusi 4.0. Namun untuk tempoh ini Pendidikan di Malaysia terus berhadapan pelbagai isu sama ada sifatnya bagi kumpulan pembuat dasar dan juga pelaksana. Penggunaan ICT dalam pendidikan masih memperlihatkan jurang yang ketara dalam menerima manfaat perkembangan internet. Penulisan ini bertujuan untuk menganalisis revolusi industri yang membawa banyak perubahan di barat dan seterusnya menjadikan negara-negara timur berada di bawah penjajahan kuasa-kuasa besar. Analisis tertumpu kepada Malaysia yang pernah dijajah oleh British dan berlakunya revolusi industri membawa kepada perubahan ekonomi di Malaysia (Malaya). Namun begitu kawalan yang begitu ketat terhadap pendidikan membawa implikasi yang menyeluruh terhadap perkembangan politik, ekonomi dan juga sosial. Sebagai rumusannya pembangunan pendidikan di Malaysia perlu berani menjadikan makna revolusi sebagai satu anjakan melalui data-data yang jelas demi masa depan generasi di Malaysia.

Kata Kunci: Revolusi, pendidikan, globalisasi, perubahan dan jurang

PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK, BERSEDIAKAH BAKAL GURU RBT: SATU KAJIAN AWAL

Aede Hatib Bin Mustaamal

Universiti Teknologi Malaysia

Email: aede@utm.my

ABSTRAK

Pembelajaran berasaskan Projek (PBP) merupakan salah satu kaedah pengajaran yang aplikasikan dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT). Kaedah ini dilihat mampu membantu pelajar untuk memupuk kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis melalui aktiviti penyelesaian masalah berasaskan projek. Ini selaras dengan matlamat penawaran matapelajaran RBT iaitu antaranya untuk menyediakan murid dengan pengetahuan dan kemahiran untuk menjana idea bagi menghasilkan produk baharu serta menjadi pereka bentuk yang membudayakan pemikiran kritis, kreatif, dan inovatif. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesediaan bakal guru dalam melaksanakan kaedah PBP bagi matapelajaran RBT berdasarkan aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap. Reka bentuk kajian ini adalah kuantitatif secara tinjauan deskriptif. Populasi kajian terdiri daripada pelajar bagi sebuah program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) di salah sebuah institusi latihan pendidikan guru di Malaysia. Sampel kajian terdiri daripada 68 responden pelajar tahun 4 bagi satu program ISMP yang dilatih untuk mengajar RBT di peringkat sekolah. Satu set soal selidik telah dibangunkan dan digunakan sebagai instrumen kajian di mana ia terdiri daripada 36 item dengan menggunakan skala jenis Likert bagi mendapatkan maklumbalas daripada responden. Item instrumen merangkumi tiga konstruk utama iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap bakal guru. Nilai kebolehpercayaan instrumen kajian ialah α = .953. Data dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPPS) versi 26.0. Secara keeseluruhannya, dapatan kajian mendapati bahawa kesediaan bakal guru dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap berada di tahap tinggi.

Kata Kunci: Pembelajaran Berasaskan Projek; bakal guru ; RBT

PEMBELAJARAN MENERUSI APLIKASI YOUTUBE BAGI PEMBELAJARAN KIMPALAN JENIS SMAW TERHADAP PELAJAR KIMPALAN DI KOLEJ VOKASIONAL

Mohd Erfy Ismail[1*], Haryiot anak Mini[2], Suhaizal Hashim[3]
Khairul Anuar Abdul Rahman[4], Nurhani Khamis[5]

[1,2,3,4,5]Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

Email: erfy@uthm.edu.my

ABSTRAK

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang pesat hari ini telah memberi nafas baru untuk menggunakan komputer dalam pendidikan. Salah satu yang semakin popular sekarang ini adalah teknologi multimedia yang menggabungkan pelbagai media seperti teks, grafik, animasi, video dan audio yang dikendalikan oleh komputer. Dengan teknologi ini, pelbagai perisian dan aplikasi multimedia dapat dikembangkan untuk meningkatkan kualiti pendidikan dari aspek gaya pembelajaran, minat dan literasi pelajar. Tujuan kajian ini adalah untuk membangunkan saluran pembelajaran menerusi aplikasi Youtube bagi pembelajaran kimpalan jenis SMAW terhadap pelajar kimpalan Kolej Vokasional Kerian dan mengenal pasti potensi saluran pembelajaran menerusi aplikasi Youtube yang dibina dalam meningkatkan gaya pembelajaran, minat dan literasi pelajar. Pembangunan saluran pembelajaran tersebut menggunakan model ADDIE. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan berbentuk deskriptif. Responden yang seramai 103 orang dipilih sebagai sampel kajian adalah dari pelajar kursus teknologi kimpalan KV Kerian. Data yang diperolehi dikumpul dan dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 21. Berdasarkan analisis yang dibuat, nilai kebolehpercayaan instrumen adalah 0.872 dan menunjukkan kebolehpercayaan instrumen berada pada tahap tinggi. Hasil kajian mendapati bahawa saluran pembelajaran menerusi aplikasi Youtube bagi pembelajaran kimpalan jenis SMAW dapat meningkatkan gaya pembelajaran (3.62), minat (3.65) dan literasi pelajar (3.59), seterusnya menjadikan proses pembelajaran lebih menarik disamping dapat menambah baik alat bahan bantu mengajar (ABBM) yang sedia ada.

Keywords: *Gaya pembelajaran, Minat, Literasi, Youtube,Kimpalan Jenis SMAW*

PEMBINAAN INSTRUMEN PENGUKURAN TINGKAH LAKU PEMIKIRAN HOLISTIK GURU UNTUK PENGAJARAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Huda Afiqah Hashim, Rahimah Embong, Nik Murshidah Nik Din

Universiti Sultan Zainal Abidin

ABSTRAK

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) merupakan salah satu kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh seseorang pelajar terutama dalam era Pembelajaran Abad Ke-21. Sehubungan itu, guru menjadi badan pelaksana utama dalam memastikan pemupukan dan pembudayaan KBAT berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Namun begitu, pengetahuan KBAT sahaja tidak mencukupi untuk diterjemahkan dalam pengajaran kerana bentuk pemikiran guru juga menjadi faktor penting yang menentukan kejayaan penerapan KBAT dalam kalangan pelajar. Justeru, kertas kerja ini bertujuan untuk membangunkan instrumen tingkah laku pemikiran holistik dalam kalangan guru di sekolah menengah. Instrumen soal selidik yang dibina mempunyai 24 item pengukuran terdiri daripada enam komponen utama iaitu metakognisi, pemikiran kreatif, pemikiran fleksibel, pemikiran kebergantungan, efikasi dalam pemikiran dan ketepatan bahasa pemikiran. Instrumen ini telah melalui proses kesahan muka dan kesahan kandungan oleh tiga orang pakar. Satu kajian rintis telah dijalankan yang melibatkan seramai 108 responden di negeri Terengganu. Data dianalisis menggunakan perisian Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 25 melalui prosedur analisis faktor penerokaan (exploratory factor analysis - EFA), ujian kesferaan Bartletts, ujian kecukupan pensampelan Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) dan ujian kebolehpercayaan Alpha Cronbach. Dapatan kajian telah menunjukkan model menghasilkan lima komponen dengan 23 item. Ujian kesferaan Bartletts untuk kesemua komponen memberi nilai yang signifikan ($P<0.05$), kecukupan pensampelan yang signifikan ($KMO>0.6$) serta nilai Alpha Cronbach yang melebihi nilai ambang 0.7. Secara keseluruhannya, hasil analisis EFA menunjukkan instrumen yang diuji mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi bagi mengukur item konstruk tingkah laku pemikiran holistik. Kajian ini memberi implikasi dari aspek pemikiran holistik dalam kalangan guru yang merangkumi lima elemen utama yang menjadi pemangkin dalam pengajaran serta penerapan kemahiran berfikir aras dalam kalangan pelajar dalam kelas.

Kata Kunci: kemahiran berfikir aras tinggi, pemikiran holistik, analisis faktor penerokaan dan instrumen pengukuran

PEMBINAAN MODUL DIGITAL PROGRAM PENSIJILAN PROFESIONAL GURU SEJARAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

Mohd Muslim Md Zalli[1*], Mohd Razimi Husin[1], Hasrul Hosshan[1], Mohd Zulhilmi Haron[2], Aini Neesa' Salim[3], Hj. Azhar Hj. Ahmad[4], Muhammad Haniff Syauqi Abdullah[1]

[1]Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia
[2]Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jitra, Kedah, Malaysia
[3]Bahagian Profesionalisme Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya, Malaysia
[4]Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Kementerian Pendidikan Malaysia, Sarawak, Malaysia

Email: muslim@fpm.upsi.edu.my*

ABSTRAK

Anjakan paradigma dalam sistem pendidikan negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 turut membawa perubahan kepada aspek pedagogi pembelajaran yang terkini dalam pelbagai subjek. Ini termasuklah mata pelajaran Sejarah yang menjadi salah satu subjek teras dan wajib lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan pelaksanaan kurikulum baharu melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Walau bagaimanapun, kajian mendapati minat dan pencapaian pelajar dalam subjek Sejarah semakin merosot disebabkan faktor guru itu sendiri. Ini kerana penerapan kemahiran pemikiran sejarah yang masih rendah dalam kalangan guru walaupun mereka telah didedahkan dengan pelbagai strategi pengajaran melalui latihan atau kursus pensijilan yang diikuti sepanjang tempoh perkhidmatan. Bilangan guru cemerlang sejarah juga antara yang terendah direkodkan berbanding mata pelajaran lain. Namun, masih terdapat jurang penyelidikan dalam kajian yang melibatkan pembinaan modul pensijilan yang sistematik sebagai panduan kepada guru-guru sejarah untuk memohon guru cemerlang. Objektif kajian ini bertujuan untuk menganalisis keperluan, membina, dan menilai kebolehgunaan Modul Pensijilan Profesional Guru Cemerlang Sejarah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kajian ini menggunakan gabungan pendekatan kualitatif dan kuantitatif dengan rekabentuk Design and Developmental Research (DDR). Peserta kajian terdiri daripada 53 orang guru Sejarah, 11 orang guru cemerlang Sejarah, dan 7 orang panel pakar dalam pelbagai bidang bagi menilai modul yang dibina. Impak penghasilan modul ini bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada guru sejarah dalam menyampaikan pedagogi terbaharu dalam proses PdPc, malah dapat meningkatkan profesionalisme guru melalui program pensijilan profesional guru dengan kerjasama Bahagian Profesionalisme Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pembinaan modul yang dinamik ini akan turut membantu pelaksanaan PPPM melalui anjakan transformasi ke-7 agar dapat memperluas akses kepada bahan pengajaran digital yang berkualiti tinggi.

Kata kunci: modul digital, guru sejarah, guru cemerlang, pensijilan profesional, profesionalisme guru

***Pengkaji hanya berhasrat untuk membentangkan kajian ini pada dan tidak bercadang untuk "full paper" diterbitkan dalam apa-apa prosiding yang berkaitan seminar. Harap maklum. Terima kasih.**

PEMBINAAN MODUL PEMBELAJARAN PENULISAN BAHASA INGGERIS BERASASKAN KONSEP PEMIKIRAN KOMPUTASIONAL

Mohd Shahril Izwan Mustafa[1*], Mohamad Kamarul Kabilan Abdullah[2]

[1]Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia
[2]Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

E-mail: shain8791@gmail.com

Received: x month, 2022; *Accepted*: x Month 2022; *Published*: x Month 2022

ABSTRAK

Penulisan adalah salah satu medium komunikasi yang digunakan secara meluas di dunia terutamanya dalam bidang ekonomi, pendidikan, politik dan sebagainya. Penguasaan kemahiran menulis dalam bahasa kedua terutamanya Bahasa Inggeris dikenalpasti sebagai satu kemahiran yang sukar. Kebanyakan murid gagal memindahkan idea ke dalam penulisan. Hal yang demikian adalah kerana murid belum menguasai kemahiran berfikir dengan baik. Justeru itu, suatu kaedah perlu diteroka bagi membantu murid untuk belajar kemahiran menulis dan kemahiran berfikir dengan menerapkan kaedah pembelajaran yang terkini seiring dengan era Revolusi Industri 4.0. Salah satu strategi pembelajaran yang digunakan secara meluas terutamanya adalah Pemikiran Komputasional (PK). PK dikenali sebagai suatu strategi yang digunakan untuk penyelesaian masalah dan menunjukkan impak positif dalam pembelajaran bahasa. Sehubungan dengan itu, modul pembelajaran penulisan Bahasa Inggeris berasaskan konsep Pemikiran Komputasional dibina untuk membantu murid. Kajian ini menggunakan Model Pembinaan Modul Sidek sebagai panduan dan tiga orang pakar ditemubual bagi menilai keperluan pembinaan modul ini. Bagi menguji keberkesanan modul, kaedah eksperimen kuasi digunakan terhadap 30 orang murid Tahun 4. Kajian ini diharapkan dapat membuktikan keberkesanan konsep PK dalam pembelajaran, meningkatkan prestasi penulisan murid dan penguasaan kemahiran berfikir dalam kalangan murid.

Keywords: *Pemikiran Komputasional, penulisan, modul pembelajaran, Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, sekolah rendah*

PENDEKATAN KOGNITIF TINGKAH LAKU TERHADAP PENYESUAIAN DIRI WANITA PASCA PERCERAIAN: ELEMEN PERHUBUNGAN CINTA

Nur Azmina Binti Paslan[1] & Mohamad Hashim Bin Othman[2]

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia

ABSTRAK

Penyesuaian diri terhadap elemen perhubungan kasih sayang merupakan cabaran kepada wanita pasca perceraian. Tujuan kajian ini untuk melihat penyesuaian diri terhadap elemen perhubungan cinta aspek kognitif, emosi dan tingkah laku. Tiga orang wanita telah dipilih sebagai sampel kajian dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Sampel kajian tersebut adalah dalam kalangan wanita yang telah bercerai di Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang. Kajian ini dijalankan sebanyak 12 sesi kaunseling. Data kuantitatif telah dikumpulkan berdasarkan data pada fasa *baseline*, rawatan dan *reversal baseline* yang diukur menggunakan Skala Penyesuaian Diri Pasca Perceraian Fisher (FDAS). Hasil dapatan menunjukkan peningkatan tahap penyesuaian diri wanita pasca perceraian terhadap elemen perhubungan cita berdasarkan penggunaan pendekatan Kognitif Tingkah Laku.

Kata Kunci: Penyesuaian diri, wanita pasca perceraian, perhubungan cinta, Terapi Kognitif Tingkah Laku.

PENDEKATAN NARATIF DALAM PROGRAM PENDIDIKAN GURU: SATU PEDAGOGI INTERAKTIF YANG MEMUDAHCARA PENAAKULAN MORAL

*Norzihani Saharuddin, Maizura Yasin

Universiti Putra Malaysia

Email: norzihani@upm.edu.my, y_maizura@upm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini meneroka perspektif guru pelatih terhadap pengalaman mengikuti Pendekatan Naratif di dalam pembelajaran kursus Pendidikan Moral di dalam program pengajian mereka. Perspektif guru pelatih ditinjau dari sudut perbezaan pendekatan ini berbanding pendekatan pengajaran lain dan bagaimana ia dapat memudahcara penaakulan moral mereka. Secara ringkas, Pendekatan Naratif merupakan satu pendekatan inovatif yang berorientasikan *meaning-making*, *deep dialogue* dan perbincangan mendalam terhadap isu moral yang diutarakan di dalam kelas. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah pengumpulan data temubual separa struktur, pemerhatian kelas dan refleksi jurnal. Walaubagaimanapun, kertas ini hanya membincangkan dapatan kajian daripada kaedah pengumpulan data secara temubual bersama sampel kajian seramai enam guru pelatih yang memenuhi kriteria pemilihan peserta kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Pendekatan Naratif berbeza dari sudut kaedah pengajaran yang digunakan dan dari segi persekitaran kelas yang terhasil semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Implikasi kajian menunjukkan bahawa sebagai alternatif untuk mempertingkatkan kecekapan guru-guru pelatih khususnya, Pendekatan Naratif dilihat sebagai satu pendekatan interaktif yang mampu memberi rangsangan dalam melatih guru pelatih mengasah penaakulan moral mereka sejak di dalam program pengajian lagi. Kesimpulannya, pengalaman Pendekatan Naratif bukan sahaja dapat membantu guru pelatih menguasai kandungan kursus, malahan berupaya menyediakan satu pengalaman proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah yang lebih bermakna dan melatih kemahiran untuk memudahcara penaakulan moral murid-murid mereka pada masa akan datang.

Kata Kunci: pendekatan naratif, pedagogi interaktif, penaakulan moral, program pendidikan guru, guru pelatih

PENDEKATAN PEMODELAN MATEMATIK DALAM PROGRAM PENDIDIKAN BAKAL-BAKAL GURU STEM: KAJIAN KUALITATIF

Muhammad Abd Hadi Bin Bunyamin

Universiti Teknologi Malaysia

Email: mabhadi@utm.my

ABSTRAK

Pemodelan Matematik merupakan salah satu pendekatan pengajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Pendekatan ini bersifat kontemporari dan amat bersesuaian dilatih kepada bakal-bakal guru STEM kerana dapat menjadikan pengajaran dan pembelajaran STEM lebih menarik dan berorientasikan permasalahan dunia sebenar. Namun begitu, pendekatan ini masih agak asing di Malaysia, khasnya untuk bakal-bakal guru Matematik kerana seringkali mereka dididik dengan pendekatan latih tubi dalam pembelajaran Matematik, terutama semasa mereka dalam peringkat pengajian sekolah menengah. Justeru, pendekatan pemodelan Matematik wajar dibawa ke dalam program pendidikan guru. Kajian ini menganalisis hasil kerja yang ditunjukkan oleh bakal-bakal guru Matematik terhadap tugasan membabitkan pemodelan Matematik. Empat (4) buah kumpulan telah dibentuk untuk 29 orang bakal guru dalam sebuah kursus bernama Pendidikan STEM di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Setiap kumpulan ini ditugaskan dengan satu permasalahan khusus yang memerlukan mereka mengutip data daripada rakan-rakan sekursus. Maka, terdapat empat permasalahan. Sebagai contoh, satu kumpulan telah ditugaskan untuk menentukan hubungan antara jam tidur purata dengan pencapaian akademik setiap ahli kursus. Contoh lain ialah tugasan untuk menentukan hubungan antara pencapaian Matematik Tambahan dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan satu kursus Matematik Tulen di UTM yang telah ahli kursus ambil pada semester lalu. Setiap permasalahan ini memerlukan mereka menentukan hubungan yang wujud antara dua pembolehubah yang terlibat, selain menghasilkan satu persamaan Matematik yang sesuai untuk hubungan tersebut. Analisis terhadap hasil kerja empat kumpulan ini mendapati bahawa mereka telah berjaya menyelesaikan tugasan yang diberikan dengan jayanya. Kesemua kumpulan dapat menentukan hubungan antara pembolehubah yang berkenaan, selain dapat mencipta satu persamaan Matematik yang dapat mewakili hubungan tersebut. Namun begitu, didapati bahawa mereka masih belum dapat mentaksir dapatan analisis data mereka dengan kritikal. Justeru, langkah susulan kelak ialah penerapan unsur pemikiran kritikal secara lebih intensif dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran pemodelan Matematik.

Kata kunci: Pemodelan Matematik, Permasalahan Dunia Sebenar, Pendidikan STEM, Bakal Guru Matematik, Kajian Kualitatif

TAHAP PENGETAHUAN PENDIDIKAN MULTIBUDAYA DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH KEBANGSAAN DI NEGERI SEMBILAN

Level of Knowledge of Multicultural Education Among Primary National Type School Teachers in Negeri Sembilan

Suzana binti Muhamad Pilus[1], Norwaliza binti Abdul Wahab[2]

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Email: suzanamp1995@gmail.com[1,]
norwaliza@fpm.upsi.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji tahap pengetahuan Pendidikan Multibudaya dalam kalangan guru sekolah kebangsaan di Negeri Sembilan. Kajian ini dijalankan ke atas 927 orang guru yang mengajar di sekolah kebangsaan di Negeri Sembilan. Objektifnya ialah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan guru berkaitan multibudaya dari aspek integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemerkasaan budaya sekolah dan struktur sosial dalam kalangan guru sekolah kebangsaan di Negeri Sembilan. Selain itu, ianya juga bertujuan untuk mengenalpasti samada terdapat perbezaan tahap pengetahuan pendidikan multibudaya dari aspek integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemerkasaan budaya sekolah dan struktur sosial berdasarkan jantina guru dan lokasi sekolah. Dalam kajian ini, pendekatan yang dipilih ialah kuantitatif dan reka bentuk kajian yang digunakan adalah kajian tinjauan. Soal selidik telah diedarkan kepada 927 orang responden yang terdiri daripada guru-guru yang mengajar di sekolah kebangsaan di Negeri Sembilan. Data kajian ini dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 26.0. Dua jenis statistik digunakan iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik deskriptif menggunakan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan bagi menghuraikan profil responden dan menjawab persoalan persoalan kajian. Statistik inferensi, iaitu MANOVA Satu-Hala digunakan untuk mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan tahap pengetahuan pendidikan multibudaya dari aspek integrasi isi kandungan, pembinaan ilmu pengetahuan, pedagogi saksama, pengurangan prejudis dan pemerkasaan budaya sekolah dan struktur sosial berdasarkan jantina dan lokasi sekolah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengetahuan guru berkaitan integrasi isi kandungan, pengetahuan berkaitan pembinaan ilmu pengetahuan multibudaya, pengetahuan berkaitan pedagogi saksama dan pengetahuan berkaitan pengurangan prejudis dalam konteks pendidikan multibudaya adalah pada tahap sederhana. Hasil kajian ini perlu diambil berat oleh pihak berkaitan agar dapat dijadikan panduan kepada dunia pendidikan bahawa sikap penerimaan dalam kalangan multibudaya dan etnik walaupun merupakan satu cabaran tetapi ianya tetap perlu dihadapi. Ini bagi membolehkan setiap keunikan itu dikongsi, dihormati dan diterima sebagai lambang identiti kebangsaan

Kata kunci: Pendidikan Multibudaya, guru, sekolah rendah

PENERAPAN ELEMEN KBAT DALAM PEMBELAJARAN KARANGAN BERPANDU DI SEKOLAH BERASRAMA PENUH BERDASARKAN MODEL MENGARANG FLOWER DAN HAYES MENGGUNAKAN APLIKASI TEKNOLOGI: SATU KAJIAN KES

Dzulkifli Bin Mohd Aspah[1*], Fadzilah Amzah[2]

[1]School of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia [2]School of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

Email: dzulkifli15@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penerapan elemen KBAT dalam pembelajaran karangna berpandu di sekolah berasrama penuh berdasarkan model mengarang Flower dan Hayes menggunakan aplikasi teknologi. Kajian ini, berfokus pada mata pelajaran Bahasa Melayu melibatkan murid tingkatan 4. Reka bentuk kajian ini ialah kajian kes dan menggunakan pendekatan kualitatif sebagai kaedah pengumpulan data. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah protokol temu bual, senarai semak dan skrip karangan berpandu. Dapatan kajian ini, akan membantu guru dan pelajar mengenal pasti platform teknologi maklumat yang boleh digunakan untuk menerapkan elemen KBAT menggunakan model mengarang Flower dan Hayes bagi menghasilkan karangan berpandu secara teratur. Penggunaan aplikasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran sangat penting bagi memastikan murid dapat menguasai ilmu mengikut peredaran zaman. Kesimpulannya, penggunaan aplikasi teknologi sangat releven dalam dunia pendidikan pada masa kini bagi membantu melahirkan murid yang berdaya saing serta berilmu pengetahuan aras tinggi bagi menyumbang kemajuan dalam sistem pendidikan negara.

Kata Kunci: *KBAT, Aplikasi teknologi, Asas mengarang, Plickers dan Instagram*

PENERIMAAN DAN PENGGUNAAN MODUL TEKNOLOGI UNTUK MENGINTEGRASIKAN NILAI KE DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT 5.0

Rosseni Din* (Corresponding), Nabilah Othman, Ariff Imran Kamarul Zaman

Learning & Teaching Innovation Centre, Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia
Information Technology & Resources Module, Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia
Mühendislik ve Mimarlık Fakültesi, Erzurum Teknik Üniversitesi.

Email: rosseni@ukm.edu.my, cik.nabilah001@gmail.com, ffira2000@yahoo.com.my

ABSTRAK

Dalam Kongres Penciptaan Antarabangsa Ke-2 di Erzurum 2018, kami membentangkan kertas kerja mengenai 'Mewujudkan Graduan Holistik, Seimbang: Mengintegrasikan Perspektif Risale-i Nur ke dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Kurikulum Malaysia melalui Model UDin'. Selama tiga tahun kebelakangan ini kami telah melaksanakannya dalam skala kecil dalam kumpulan penyelidikan kami. Dalam pembentangan tahun ini, kami ingin berkongsi bagaimana kami mengintegrasikan nilai ke dalam kursus pendek mengenai penciptaan Grafik dan Video selaras dengan Society 5.0 yang muncul daripada Revolusi Perindustrian Ke-4. Penyelidikan Reka Bentuk & Pembangunan ini menggunakan reka bentuk tinjauan untuk pengumpulan data yang melibatkan 127 responden. Analisis keputusan menggunakan Smart PLS 4.0 menunjukkan bahawa penerimaan teknologi tidak menyokong penggunaan teknologi. Walau bagaimanapun, penggunaan teknologi menyumbang kepada penyepaduan nilai, yang seterusnya menyokong penerapan nilai ke dalam masyarakat 5.0.

Kata Kunci: Revolusi Industri 4.0 , Masyarakat 5.0, Risale-i Nur, Kurikulum Malaysia, UDin Model

PENGAJARAN AL-QURAN DALAM TALIAN DALAM KALANGAN MUALAF: ANALISIS ISU & MASALAH

Aliff Nawi[1*]

[1]Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia

E-mail[*]: aliffnawi@yahoo.com

ABSTRAK

Pendidikan Al-Quran merupakan keperluan bagi seorang muslim di seluruh dunia. Bagaimanapun, sejak Malaysia dilanda dengan Pandemik Covid-19, ianya telah memberi impak yang besar kepada keseluruhan aspek dalam kehidupan manusia termasuklah aspek pendidikan al-Quran. Disebabkan Pandemik Covid-19 melanda negara, terdapat ramai pelajar di sekolah agama tidak dapat hadir ke Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA) (Idris, 2021 November 2021). Pelajar dewasa juga tidak dapat meneruskan pembelajaran Al-Quran kerana pusat pembelajaran ditutup dalam tempoh kawalan ini. Proses pembelajaran agama yang terjejas ini dikhuatiri menyebabkan keciciran dalam pembelajaran agama. Oleh yang demikian, kajian ini melaksanakan pembelajaran al-Quran kepada golongan mualaf dewasa bagi menangani keciciran dalam pembelajaran agama. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti pengajaran agama dalam talian dan meneroka isu dan masalah dalam pengajaran al-Quran dalam talian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa platform pengajaran adalah berbeza antara satu sama lain. Bagaimanapun, platform whatsapp dikenalpasti merupakan platform yang menjadi pilihan utama. Akses internet dan capaian internet yang terhad juga menjejaskan sesi pengajaran dalam talian. Manakala terdapat tujuh isu yang telah dikenalpasti dalam pengajaran al-Quran dalam talian. Diharapkan kajian ini berjaya mendedahkan beberapa isu yang dihadapi semasa melaksanakan sesi pengajaran al-Quran dalam talian dan dapat diatasi lebih awal dalam kajian-kajian akan datang.

Keywords: *Pengajaran, dalam talian, al-Quran, mualaf*

PENGARUH KECERDASAN EMOSI (EMOTIONAL INTELLIGENCE) DAN SOSIOEMOSI TERHADAP PERSONALITI MURID

Jamunah A/P Arunakiri

Jabatan Pengajian Pendidikan, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

Email: M20212003369@siswa.upsi.edu.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini lebih tertumpu pada perbincangan kepentingan emosi dalam perkembangan seseorang terutamanya dalam kalangan murid penting sehingga ia perlu diberikan fokus yang lebih pada masa kini. Langkah yang efektif untuk melatih kecerdasan emosi bermula dengan menikmati pengalaman emosi yang dirasakan, mengingatkan diri tentang emosi tentang perubahan emosi dan mengamalkan emosi yang baik**.** Tidak dapat dinafikan bahawa kecerdasan emosi itu memainkan peranan penting terhadap personaliti murid. Perbincangan adalah dari segi takrifan, jenis kecerdasan emosi dan jenis sosio-emosi yang mempengaruhi personaliti murid. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah kajian perpustakaan untuk melihat kecerdasan emosi dan sosioemosi terhadap personaliti murid. Dapatan kajian mendapati bahawa kecerdasan emosi dan sosioemosi dapat mempengaruhi personaliti murid sehingga ia dapat memberikan impak terhadap diri dan persekitaran murid tersebut. Keperluan ataupun kepentingan emosi dalam perkembangan seseorang terutamanya dalam kalangan murid amatlah penting sehingga ia perlu diberikan fokus yang lebih pada masa kini. Hal ini demikian kerana, kecerdasan emosi itu memainkan peranan penting terhadap personaliti murid. Implikasi, kajian ini dapat memberikan gambaran tentang kecerdasan emosi dan sosioemosi murid yang dapat mempengaruhi personaliti murid di sekolah mahupun di rumah.

Kata kunci: kecerdasan emosi, sosioemosi, personaliti

PENGARUH KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL GURU BESAR TERHADAP KOMPETENSI GURU DI DAERAH KUALA TERENGGANU

Mustafa Che Omar[1*], Nabilah Sahira Mohd Zuraini[2], Zuraidah Juliana Mohamad Yusoff[3]

[1]Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Nerus, Malaysia
[2]Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Nerus, Malaysia
[3]Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Nerus, Malaysia

E-mail*, mustafa@unisza.edu.my

ABSTRAK

Kecemerlangan sekolah yang terjamin adalah berlandaskan kepada kepimpinan Guru Besar atau Pengetua sebagai penggerak utama. Guru Besar adalah individu yang berupaya mempengaruhi guru untuk bersama-sama bergerak ke arah pencapaian matlamat iaitu menghasilkan murid yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Namun begitu, masih terdapat Guru Besar yang gagal dalam menyempurnakan peranan dan tanggungjawab sebagai pemimpin instruksional kerana lebih mementingkan tugasan pentadbiran berbanding aspek kompetensi pengajaran. Maka, kajian ini bertujuan mengkaji pengaruh kepimpinan instruksional Guru Besar terhadap kompetensi guru di Sekolah Rendah Daerah Kuala Terengganu. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu edaran soal selidik melalui *google form*.Kajian ini melibatkan seramai 350 orang guru di Sekolah Rendah di daerah Kuala Terengganu. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan SPPS bagi menghasilkan dapatan statistik deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kepimpinan instruksional Guru Besar dan kompetensi guru berada pada tahap tinggi. Selain itu, dapatan kajian juga membuktikan wujud hubungan yang positif dan signifikan antara kepimpinan instruksional Guru Besar dan kompetensi guru serta mendapati kepimpinan instruksional Guru Besar memberi pengaruh positif yang signifikan terhadap kompetensi guru.

Kata Kunci: Kepimpinan Instruksional, Kompetensi Guru, Kepimpinan Pendidikan

1

PENGGUNAAN IPAD UNTUK MENINGKATKAN PEMBELAJARAN DAN PENGLIBATAN MURID DALAM BILIK DARJAH

Norazlin Baizura Ghazali[1] dan Mohd Razimi Husin[2]

Jabatan Pengajian Pendidikan, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Email: razimi@fpm.upsi.edu.my

ABSTRAK

Pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 memerlukan strategi yang baharu untuk memberikan generasi masa kini pengalaman pembelajaran yang mendalam dan bermakna. Seiring dengan kemajuan dan perkembangan masa kini, para guru sudah mula bergiat menjadikan internet dan peranti pintar sebagai medium pengajaran di sekolah. Inisiatif membawa peranti sendiri (BYOD) merupakan konsep yang diketengahkan oleh warga pendidik dalam sesi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) kerana ia dilihat membawa kebaikan dan penglibatan murid dalam bilik darjah. Pada masa kini, telah ramai murid yang memiliki peranti mudah alih seperti komputer riba, iPad, dan tablet. iPad telah banyak digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran di pelbagai tahap pendidikan. Teknologi reka bentuk iPad terkini, skrin boleh sentuh dan pelbagai aplikasi menarik sangat berguna untuk menggalakkan pengajaran dan pembelajaran yang efektif, efisien dan menarik minat murid. Artikel ini membincangkan bagaimana penggunaan iPad di sebuah sekolah di Kuala Lumpur digunakan untuk meningkatkan pembelajaran dan penglibatan murid dalam bilik darjah. Seramai 50 orang murid terlibat sebagai responden kajian ini. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik. Hasil analisis menunjukkan bahawa penggunaan iPad berjaya menggalakkan pembelajaran aktif serta meningkatkan penglibatan dan kolaborasi murid. Murid menganggap iPad sebagai alat pembelajaran yang efektif serta memberi impak positif kepada penglibatan murid dalam pembelajaran. Penggunaan teknologi seperti iPad dapat menggalakkan pedagogi berpusatkan murid serta meningkatkan penglibatan murid dalam bidang STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik).

Kata kunci: iPad, aplikasi iPad, teknologi pendidikan, penglibatan murid

PENGGUNAAN LAGU KANAK-KANAK DALAM MEMBANTU PENGUASAAN KOSA KATA BAHASA MELAYU KANAK-KANAK BERUSIA EMPAT TAHUN

Munira Syazwani Mohd Zaidi[1] & Nordin Mamat[2]

[1]Jabatan Pengajian Pendidikan, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Email: munirasyazwani97@gmail.com[1], nordin@fpm.upsi.edu.my[2]

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka penggunaan lagu kanak-kanak dalam meningkatkan penguasaan kanak- kanak terhadap kosa kata Bahasa Melayu. Kajian ini mempunyai tiga objektif kajian iaitu meneroka kemahiran dalam penguasaan kosa kata Bahasa Melayu kanak-kanak empat tahun selepas menggunakan kaedah nyanyian lagu, mengetahui kanak-kanak empat tahun dalam mengaplikasi perkataan dan kosa kata baharu ketika berkomunikasi di rumah dan meneroka kesan terhadap minat dan perasaan ingin belajar mereka ketika menggunakan kaedah nyanyian lagu kanak-kanak. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif secara deskriptif dan naratif. Kajian ini melibatkan seramai 17 orang responden kanak-kanak bagi pelaksanaan pemerhatian melalui borang senarai semak. Pemilihan lokasi kajian adalah terletak di kawasan Kuala Terengganu, Terengganu. Kaedah pengumpulan data diperoleh melalui analisis pemerhatian menggunakan senarai semak. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah penggunaan lagu ini berjaya meningkatkan beberapa penguasaan kosa kata kanak- kanak. Sehubungan itu, dapatan kajian mendapati bahawa daripada lagu yang digunakan responden berjaya menghafal beberapa kosa kata dan memahami kosa kata tersebut. Dalam pada itu, beberapa kemahiran lain yang akan diperoleh apabila kanak-kanak mendengar dan menyanyikan lagu antaranya ialah kemahiran mengecam kosa kata serta mengaplikasi kosa kata tersebut di rumah. Pendekatan ini memberikan kesan yang sangat positif dan efektif dari segi kognitif serta emosi kerana lagu merupakan hiburan mereka. Kesimpulannya, kaedah ini amat berkesan untuk dilaksanakan oleh guru tadika dalam mana-mana mata pelajaran terutama subjek Bahasa Melayu semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Kata Kunci: lagu kanak-kanak, nyanyian, kosa kata

PENGGUNAAN PENEGUHAN POSITIF: PUJIAN DAN TOKEN EKONOMI BAGI MENANGANI TINGKAH LAKU HIPERAKTIF

Navarshini Sinnadurai; Mohd Razimi Husin

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Email: razimi@fpm.upsi.edu.my

ABSTRAK

Tingkah laku merupakan suatu aksi atau tindakan yang digunakan oleh murid untuk bergerak balas dan meneroka objek yang berada di persekitarannya. Kajian ini diadakan bertujuan untuk melihat keberkesanan penggunaan teknik peneguhan positif iaitu pemberian pujian dan token ekonomi bagi mengatasi perilaku hiperaktif di kalangan murid sekolah rendah. Kajian ini berbentuk kualitatif dan kuantitatif iaitu menggunakan senarai semak pemerhatian dan kaedah A-B. Sampel kajian hanya melibatkan satu murid sahaja yang mempunyai isu tingkah laku hiperaktif di sebuah sekolah rendah Daerah Klang. Kaedah pemerhatian dilakukan selama empat minggu yang melibatkan sebelum, semasa dan selepas intervensi dijalankan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan teknik peneguhan iaitu pemberian pujian dan token ekonomi seperti hadiah berjaya mengurangkan masalah tingkah laku hiperaktif murid. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan kaedah peneguhan merupakan salah satu bentuk intervensi yang sesuai dan berkesan. Masalah tingkah laku hiperaktif ini boleh dikurangkan sekaligus ditangani sekiranya teknik peneguhan diteruskan diamalkan untuk jangka masa yang panjang dengan persetujuan dan kerjasama sepenuhnya daripada ibu bapa dan guru-guru mata pelajaran yang lain.

Kata Kunci: Peneguhan positif, pujian dan token ekonomi, tingkah laku hiperaktif

PENGGUNAAN RUBRIK PENILAIAN ANALITIK BAGI MENGUKUR PRESTASI PELAJAR DALAM MENYELESAIKAN PROJEK REKA BENTUK SENIBINA

Nurfirdawati Muhamad Hanafi dan Azmanirah Ab Rahman

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

ABSTRAK

Projek reka bentuk seni bina adalah satu bentuk pentaksiran prestasi yang bersifat subjektif. Pentaksiran jenis ini terdedah kepada kesan bias antara pemeriksa sekiranya tiada rubrik penilaian sebagai panduan dalam membuat penskoran terhadap prestasi pelajar. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk menentukan sama ada rubrik penilaian analitik yang dihasilkan dapat mengukur prestasi pelajar dengan baik dalam menyelesaikan masalah reka bentuk senibina. Terdapat dua objektif bagi kajian ini iaitu (i) menganalisis corak polariti tahap kebolehan pelajar dengan menggunakan MFRM, dan (ii) menganalisis sama ada kebolehan pelajar adalah “fit” berdasarkan model Rasch dengan menggunakan MFRM. Kajian ini adalah kajian kuantitatif dengan menggunakan rubrik penilaian analitik sebagai instrumen untuk memberikan skor kepada pelajar. Seramai 136 orang pelajar senibina semester 5 dan 19 orang pemeriksa yang terlibat dalam kajian ini. Seorang pelajar dinilai oleh lebih daripada 2 orang pemeriksa. Sebanyak 4 rubrik penilaian analitik yang terlibat dalam proses ini. Daripada kajian, didapati bahawa hampir 94% nilai PTMEA CORR adalah positif dan menunjukkan bahawa semua pelajar bergerak dalam satu arah. Manakala bagi nilai Outfit MNSQ pula, didapati lebih daripada 94% pelajar adalah sepadan dengan Model Pengukuran Rasch. Justeru rubrik penilaian analitik yang dihasilkan dapat mengukur pelajar dengan baik dalam penyelesaian projek reka bentuk senibina.

Kata Kunci: Rubrik penilaian, penilaian prestasi, model rasch, MFRM, polariti item dan nilai “fit”.

PENGINTEGRASIAN KEMAHIRAN DAN PENGETAHUAN PELAJAR ABAD KE-21 MELALUI KERANGKA PDP-PBL BERKONSEP KARTUN MATA PELAJARAN SEJARAH SEKOLAH MENENGAH

Mohd Nazir Md. Zabit[1*], Tirzah Zubeidah Zachariah Omar[2] &
Nur Izzati Mohd Shafri[1]

[1]Jabatan Pengajian Pendidikan, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

[2] Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor (UNISEL), Bestari Jaya, Selangor, Malaysia

E-mail[*]: mohd.nazir@fpm.upsi.edu.my

ABSTRAK

Di Malaysia, pengajaran dan pembelajaran (PdP) subjek Sejarah masih berkonsepkan hafalan kronologi secara naratif dan kebergantungan kepada buku teks. Ini tidak selari dengan hasrat dan matlamat Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Sejarah dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) adalah untuk melahirkan pelajar membentuk masa depan yang mampu mengenal diri dan negara. Malah strategi PdP guru yang tidak menarik dan membosankan menyebabkan kemerosotan tumpuan, minat dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. Kajian-kajian PBL sedia ada lebih menjurus kepada pelaksanaan dan keberkesanan penggunaannya dalam PdP, bagaimana pun belum ada kajian yang melibatkan pembinaan modul yang mengintegrasikan penggunaan PBL dalam mata pelajaran Sejarah dengan Konsep Kartun. Konsep kartun berjaya menunjukkan kepentingannya dalam pengajaran moden dan strategi pembelajaran (Koutnikova, 2017). Kajian ini akan membangunkan satu Modul PdP pemindahan Kemahiran dan Pengetahuan Pelajar Abad ke-21 melalui pengintegrasian pendekatan *Problem-Based Learning* (PBL) berdasarkan Model McMaster University dengan Konsep Kartun ke dalam mata pelajaran Sejarah sekolah menengah di Malaysia. . Enam (6) objektif kajian disyorkan merangkumi kandungan topik-topik dan asas teoritikal pembinaan modul, menentukan nilai kesahan, kebolehpercayaan sub-konstruk serta kandungan modul ini dalam PdPc Sejarah Sekolah Menengah. Dijangka hasil kajian ini iaitu Modul PdP-PBL Berkonsep Kartun Sejarah Sekolah Menengah boleh dijadikan panduan dalam menyediakan rangka kerja yang praktikal dan komprehensif kepada PdP Sejarah untuk meningkatkan kepelbagaian kemahiran dan kebolehan pelajar. Kajian ini juga berhasrat membangun dan menyuburkan intelektual serta kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah, melahirkan modal insan dalam pelbagai bidang yang mampu berfikir pada aras tertinggi serta merangsang Kemahiran dan Pengetahuan Pelajar Abad ke-21 iaitu kognitif, interpersonal, intrapersonal (mengikut model Pellegrino and Hilton, 2012). Modul ini adalah terkini, berinovatif dan boleh diaplikasikan oleh pelbagai institusi pendidikan dan latihan, individu atau agensi atau mereka yang berminat dengan bidang Sejarah, malah boleh dijadikan asas dan panduan kepada bidang-bidang lain. Kajian juga bermanfaat kepada Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya Bahagian Pembangunan Kurikulum, para guru serta pakar bidang Sejarah, para pelajar, individu-individu dan organisasi yang berminat dalam memperkasakan budaya PdP yang inovatif.

Kata Kunci: Problem-Based learning; Kerangka PdP-PBL; Sejarah; Kemahiran dan Pengetahuan Pelajar Abad ke-21

PENGINTEGRASIAN KEMAHIRAN SAINS, TEKNOLOGI, KEJURUTERAAN DAN MATEMATIK (STEM) MELALUI PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK DI SEKOLAH RENDAH

Lim Li Juan, Mohd Razimi Husin

ABSTRAK

STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Matematik) telah dilaksanakan di sekolah mulai tahun 2017. Pendidikan STEM merupakan suatu pendekatan pembelajaran dan pengajaran yang dapat melatih murid untuk menghubungkaitkan pengetahuan saintifik dengan aplikasi praktikal. Pelaksanaan pendidikan STEM telah mendedahkan murid kepada suasana pembelajaran baharu kerana murid didedahkan dengan pendekatan baharu seperti Pembelajaran Berasaskan Projek (PBL). Pembelajaran berasaskan projek merupakan pembelajaran yang berpusatkan murid yang boleh meningkatkan kemahiran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik dalam kalangan murid. Artikel ini membincangkan pengintegrasian STEM melalui pembelajaran berasaskan projek terhadap yang menyumbang kepada peningkatan motivasi murid di sekolah rendah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan tinjauan literatur. Hasil menunjukkan pengaruh motivasi murid yang tinggi dengan integrasi pendidikan STEM melalui Pembelajaran Berasaskan Projek di Sekolah Rendah. Kajian ini dapat membantu penyelidik pendidikan mengenal pasti peluang penyelidikan yang berkaitan dengan pendidikan STEM di sekolah rendah.

Kata kunci: motivasi, kemahiran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), pembelajaran berasaskan projek, sekolah rendah

PENILAIAN PENERAPAN ELEMEN FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN DALAM MODUL KURSUS ASAS KEPOLISAN KONSTABEL DI PUSAT LATIHAN POLIS DUNGUN

Zuraidah Juliana Mohamad Yusoff, Siti Sallwa Piee, Qurratu Ain Zulfikri

Universiti Sultan Zainal Abidin

ABSTRAK

Pembangunan modal insan adalah bermula dengan pendidikan dalam segenap aspek. Hal ini amat berkait rapat dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) iaitu sebagai asas serta panduan. Pembelajaran kendiri di tempat kerja yang berkait dengan tugasan hakiki juga adalah satu usaha pendidikan kepada penjawat awam. Hal ini turut dilaksanakan oleh PDRM melalui pelaksanaan modul pembelajaran mengenai bidang kepolisan yang diterapkan dalam Kursus Asas Kepolisan Konstabel (KAK). Namun begitu, pencapaian penghayatan nilai pendidikan hangat diperkatakan apabila timbulnya isu dan konflik yang melihat sistem pendidikan secara umumnya semakin tersasar daripada matlamatnya. Hal ini berikutan semakin rancak isu yang berkaitan dengan masalah penyalahgunaan kuasa oleh penjawat awam di segenap peringkat. Maka objektif kajian ini adalah untuk mengkaji penilaian penerapan elemen Falsafah Pendidikan Kebangsaan Modul Kursus Asas Kepolisan Konstabel di Pusat Latihan Polis Dungun. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan pendekatan tinjauan keratan rentas yang melibatkan 200 orang responden daripada 350 orang populasi pelatih. Kajian ini mengamalkan teknik pensampelan rawak mudah melalui edaran soal selidik secara manual. Data dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS. Dapatan menunjukkan empat modul asas latihan kepolisan dapat dikaitkan dengan penerapan elemen Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang didapati berada pada tahap yang tinggi. Dapatan juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada modul berdasarkan faktor demografi yang dikaji. Usaha melahirkan warga Malaysia yang mampu memajukan negara, mencapai perpaduan, kesejahteraan dan kedamaian adalah bermula dengan pendidikan di segenap aspek pentadbiran negara. Hal ini ternyata amat penting kerana kemajuan negara itu adalah bergantung kepada sumber manusianya yang berpengetahuan, berkemahiran, serta mempunyai nilai positif seperti amanah, bertanggungjawab, berdisiplin, optimis, dan berdaya saing. Menjadi tanggungjawab negara untuk membangunkan modul yang mampu membentuk sumber manusia kepada satu tenaga yang menguntungkan negara.

Kata Kunci: Falsafah Pendidikan Kebangsaan, pembangunan insan, Modul, Kursus Asas Kepolisan Konstabel

PERKEMBANGAN SOSIOEMOSI KANAK-KANAK MELALUI AKTIVITI MAIN PERANAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI PERINGKAT PRASEKOLAH

Nurul Hamiza Binti Mis & Dr Mohd Razimi Bin Husin

Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti perkembangan sosioemosi kanak-kanak melalui aktiviti main peranan. Reka bentuk kajian adalah penyelidikan secara kualitatif yang berbentuk kajian kes. Sampel kajian melibatkan enam orang kanak-kanak yang terdiri daripada empat orang kanak-kanak lelaki dan dua orang kanak kanak perempuan berusia 5 tahun, serta tiga orang guru prasekolah melalui persampelan bertujuan. Instrumen kajian ialah borang senarai semak untuk mengenal pasti perkembangan sosioemosi kanak-kanak sebelum aktiviti main peranan dan selepas pelaksanaan aktiviti main peranan. Manakala, soalan temu bual adalah untuk mendapatkan pandangan guru terhadap perkembangan sosioemosi kanak- kanak menggunakan kaedah pengajaran berasaskan aktiviti main peranan. Kaedah analisis bertema telah diadaptasi. Dapatan kajian menunjukkan sebelum aktiviti main peranan kanak- kanak berada dalam keadaan kawalan kendiri impulsif, namun selepas aktiviti main peranan, kanak-kanak berada dalam keadaan kawalan kendiri positif. Oleh itu, aktiviti main peranan wajar digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi membantu kanak- kanak mencapai perkembangan sosioemosi yang maksimum. Kajian ini dapat membantu guru, pihak prasekolah dan pihak kementerian meningkatkan kualiti didikan di prasekolah terutamanya di dalam mengembangkan kemahiran sosioemosi seorang kanak-kanak.

Kata Kunci: perkembangan sosioemosi, kanak-kanak, aktiviti main peranan, prasekolah, kawalan kendiri

PERSEPSI GURU PELATIH TERHADAP PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdPR) MENGGUNAKAN APLIKASI TEKNOLOGI

Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi, Annasaii Jamar, Mohd Faeez Ilias, Mohd Amin Mohd Noh, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Julia Madzalan

Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Email: salihinhafizi@kuis.edu.my

ABSTRAK

Pengaplikasian teknologi masa kini sangat penting khususnya dalam menghadapi era Pandemik. Perubahan Pendidikan Malaysia berubah dengan cepat disebabkan berlakunya wabak COVID 19 yang melanda Malaysia. Hal ini boleh dilihat dimana pengaplikasian teknologi menjadi sangat penting terutama dalam Pendidikan. Dalam menghadapi tempoh pandemik COVID 19, kesediaan para Pendidik masih lagi berada pada tahap yang kurang memuaskan disebabkan kurang mahir dan tidak bersedia dalam menggunakan teknologi semasa pengajaran dan pembelajaran. Maka kajian ini bertujuan mengenalpasti persepsi guru pelatih menggunakan aplikasi teknologi semasa Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR) ketika wabak covid-19 sedang melanda Malaysia. Seramai 188 orang guru pelatih fakulti pendidikan dari Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dijadikan sasaran responden bagi kajian ini. Rekabentuk kajian dijalankan menggunakan kaedah tinjauan instrumen set soal selidik bagi mendapatkan data kajian. Data kajan dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* versi 26. Dapatan kajian keseluruhan mendapati tahap kesediaan guru pelatih terhadap *PDPR* menggunakan aplikasi berada pada tahap yang tinggi. Diharap hasil dapatan kajian ini dapat memberi input penggunaan teknologi yang baik bagi bakal guru pelatih yang akan berpraktikum seiring dengan keperluan semasa agar dapat membentuk pengajaran dan pembelajaran menjadi interaktif dan menarik.

Kata Kunci : Guru Pelatih, PDPR, Teknologi

PERSEPSI TERHADAP COVID-19 DAN TINGKAH LAKU AGRESIF DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Nur Syamira Suhaimi[1*]

[1]Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Email: nur_syamira98@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengukur antara tahap persepsi COVID-19 dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah ketika musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pemilihan sampel dijalankan secara persampelan rawak mudah telah dilakukan dan seramai 470 orang pelajar sekolah menengah di sekitar semenanjung Malaysia telah dipilih sebagai responden. Instrumen Aggression Questionnaire (AQ) (Buss & Perry, 1992) dan soal selidik berkaitan COVID-19 telah digunakan dalam kajian ini. Analisis deskriptif digunakan untuk mengukur tingkah laku agresif, subtrait Physical Aggression, Verbal Aggression, Anger dan Hostility ketika musim PKP dalam kalangan pelajar sekolah menengah di semenanjung Malaysia. Manakala, ujian-t, ANOVA sehala dan ujian korelasi Pearson digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Secara keseluruhannya, dapatan kajian telah menunjukkan tahap tingkah laku agresif untuk subtrait Verbal Aggression, Anger dan Hostility ketika musim PKP dalam kalangan pelajar sekolah menengah adalah pada tahap sederhana. Manakala, tahap tingkah laku agresif bagi subtrait Physical Aggression pula tinggi pada tahap rendah. Seterusnya, hasil korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi COVID-19 dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah di semenanjung Malaysia.

Kata kunci: Tingkah laku agresif, COVID-19, remaja

PERSPEKTIF GURU TERHADAP PEMBANGUNAN APLIKASI PEMBELAJARAN REALITI TERIMBUH BAGI TAJUK RUANG MATEMATIK SEKOLAH RENDAH

Mohamad Basri Nadzeri[1], Muzirah Musa[2*], Chew Cheng Meng[3], Irwan Mahazir Ismail[4]

[123]Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Gelugor, Pulau Pinang, Malaysia
[4]Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia, Universiti Sains Malaysia, 11800 Gelugor, Pulau Pinang, Malaysia

Email*: muzirah@usm.my

ABSTRAK

Penerapan teknologi perlu diaplikasikan oleh guru dan murid agar bersedia dengan pengetahuan dan kemahiran yang boleh memberi impak positif dalam pengajaran dan pembelajaran. Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia menekankan penggunaan teknologi dan inovasi dalam kalangan guru semasa pengajaran dan pemudah caraan (PdPC). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan membangunkan aplikasi pembelajaran AR bagi tajuk Ruang berdasarkan perspektif guru matematik yang dapat memenuhi keperluan murid. Seramai 52 orang guru sekolah rendah di daerah Kerian, Perak yang dipilih secara rawak mudah terlibat dengan kajian ini. Pengumpulan data melibatkan soal selidik keperluan guru yang terdiri daripada Latar Belakang Responden, Reka Bentuk Informasi: Strategi Pembelajaran, Reka Bentuk Antara Muka: Persembahan dan Reka Bentuk Antara Muka: Interaktiviti. Data dianalisis secara kuantitatif menggunakan statistik deskriptif iaitu frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan skor min Reka Bentuk Informasi: Strategi Pembelajaran (M= 4.26; SD= 0.68), Reka Bentuk Antara Muka: Persembahan (M= 4.33; SD= 0.72) dan Reka Bentuk Antara Muka: Interaktiviti (M= 4.33; SD= 0.68) adalah tinggi. Dapatan kajian yang diperoleh diharapkan dapat membantu guru-guru matematik di sekolah rendah membangunkan aplikasi pembelajaran AR yang dapat membantu meningkatkan pencapaian murid bagi tajuk Ruang dalam matematik di sekolah rendah di samping menjadi panduan kepada pembangun aplikasi yang sesuai dengan keperluan murid.

Kata Kunci: Realiti Terimbuh, Aplikasi Pembelajaran, Tajuk Ruang, Matematik, Sekolah Rendah

RISILIEN DAN RESOLUSI KONFLIK DALAM KALANGAN BELIA DI MALAYSIA

Mua'azam Mohamad[1*], *Zuraidah Juliana Mohamad Yusoff[2], Yus'aiman Jusoh @ Yusoff[1], Fauziah Md. Jaafar[1],* Noor Haifa Zolkipli[1]

[1] Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, Sintok
[2] Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu

E-mail[*], muaazam@uum.edu.my

ABSTRAK

Terdapat pelbagai cabaran yang perlu dihadapi oleh golongan belia dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran yang sering berkonflik. Perbincangan berkaitan kemahiran resolusi konflik menunjukkan bahawa belia masa kini kekurangan risilien (daya tahan) bagi menghadapi sebarang cabaran. Maka, kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara tahap risilien dan gaya resolusi konflik dalam kalangan belia di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui instrumen soal selidik yang melibatkan sejumlah 504 responden dalam kalangan belia yang terdiri daripada pelajar program pendidikan dan guru novis di zon utara Semenanjung Malaysia. Soal selidik *Connor-Davidson Resilience Scale* dan *Rahim Organizational Conflict Inventory (ROCI II)* digunakan dalam kajian ini. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS yang mendapati kemahiran risilien dan resolusi konflik dalam kalangan responden berada pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan wujudnya hubungan yang positif antara risilien dan resolusi konflik dalam kalangan responden. Oleh yang demikian, risilien merupakan satu kemahiran yang harus dipelajari dan dimiliki oleh setiap individu terutamanya golongan belia dalam menghadapi konflik kehidupan.

Kata kunci: Resolusi konflik, Risilien, Golongan belia

GENDER-RESPONSIVE PEDAGOGY IN MALAYSIA

Nurul Adnin Nadhirah Abdul Malik[1*], Nurfaradilla Mohamad Nasri[2], Khairul Jamaludin[3]

[1]Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia
[2]Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia
[3]Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia

Email: P114687@ukm.edu.my *

ABSTRACT

Teacher pedagogy has an extensive role in setting a gender responsive classroom. In Malaysia, the education department and government have initiated the teacher training program regarding gender responsive pedagogy. Through this specific knowledge, teachers become more aware about student's necessities and their learning capacities. The girls are equally treated in the classroom because of this pedagogical approach. Girl's perseverance in learning new lessons and chapters are beneficial for their high achievements. Social approach of gender responsive pedagogy regarding gender discrimination, many opportunities and supports are helping girls to make advancement in learning. High effectiveness of gender responsive pedagogy has resulted in high rank achievements of Malaysian girls rather than boys. Along with this, teachers in Malaysia are facing social, financial obstacles while implementing gender responsive pedagogy. Child marriage, poverty, low income of parents, lack of teaching resources has been potential hindrances in the way of this teaching model implication.

Keywords*: Teachers' Pedagogy, Female Student's achievements, Gender Responsive Pedagogy, Meta-Analysis*

INTEGRASI KEMAHIRAN KOMUNIKASI TEKNIKAL DALAM KURIKULUM TVET: ISU DAN CABARAN.

Khairul Azhar Jamaludin[1*], Norlidah Alias, [2] Syar Meeze Mohd Rashid[1], Suganti Ealangov[1], Siti Nur Haslinda Md Saleh[1] & Nor'Aqilah Ahmad Zabidi[1].

[1]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor.
[2]Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.

Email: *khairuljamaludin@ukm.edu.my

Penguasaan kemahiran komunikasi teknikal yang lemah terbukti telah memberi kesan kepada kebolehkerjaan graduan terutamanya daripada institusi Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (*Technical and Educational Education and Training, TVET*). Pendedahan yang terhad dalam kurikulum latihan TVET adalah salah satu faktor kepada permasalahan ini. Justeru, penulisan ini membincangkan isu dan cabaran Integrasi Kemahiran Komunikasi Teknikal dalam Kurikulum TVET, terutamanya dalam konteks Kolej Vokasional. Ringkasnya, kualiti kurikulum dan penyampaiannya yang masih kurang memberangsangkan, fokus dan panduan dalam membangunkan kemahiran komunikasi yang tidak jelas, dan ketidaksepadanan kemahiran ini dengan kehendak komunikasi di industri merupakan halangan utama kepada integrasi yang berkesan dalam kurikulum TVET di institusi ini. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya pengenalpastian kemahiran komunikasi teknikal yang spesifik kepada kehendak industri tempatan perlu dijalankan dan dijadikan panduan dalam membangunkan kemahiran ini dengan lebih berkesan dalam masa akan datang.

Kata Kunci: komunikasi teknikal, kurikulum, TVET, kebolehkerjaan, Kolej Vokasional.

STRATEGI DAN GAYA PEMBELAJARAN MURID LUAR BANDAR DALAM KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA INGGERIS

Faridah Mahadi[1],Mohd Razimi Husin[1] ,Nurulhuda Md Hassan[1]

[1]Jabatan Pengajian Pendidikan, Fakulti Pembangunan Manusia,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Email: faridah_mahadi@yahoo.com

ABSTRAK

Modal Insan yang berketerampilan tinggi dari pelbagai aspek merupakan satu keperluan bagi Malaysia dalam mencapai ikon negara maju tidak lama lagi. Antara aspek yang semakin dipinggirkan dalam pembelajaran Bahasa Inggeris merupakan kemahiran bertutur. Kemahiran ini sering dipandang ringan jika dibandingkan dengan kemahiran yang lain seperti kemahiran menulis. Pendedahan yang terhad dalam mempraktikkan strategi dan gaya pembelajaran yang sesuai menjadikan kemahiran bertutur (Bahasa Inggeris) sesuatu yang 'asing' terutama buat murid luar bandar. Aplikasi strategi dan gaya pembelajaran yang berkesan mampu meningkatkan keupayaan murid luar bandar untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dengan penuh keyakinan.

Kata Kunci : Kemahiran bertutur, Bahasa Inggeris Strategi Pembelajaran, Gaya Pembelajaran

STRATEGIES TO ENHANCE STUDENT ENGAGEMENT IN ONLINE LEARNING: A REVIEW

Yong Keow Lee[1]*, Norasykin Mohd Zaid[2],Norazrena Abu Samah[3]

[1]ROCZ Child Care Centre, Johor, Malaysia
[2]Department of Educational Technology, School of Education, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia
[3]Department of Educational Technology, School of Education, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia

E-mail: keowlee@graduate.utm.my, *norasykin@utm.my

ABSTRACT

Student engagement is an indicator of educational quality, academic well-being, and has proven to be a strong promoter of academic performance. Many studies have been done to improve student engagement in online learning. This scoping review aims to produce a comprising overview of study about the strategies to foster student online engagement, identifying gaps in the literature which could inform the future design and evaluation. This paper presents a review of empirical studies published between 2019 to 2021. A systematic search was conducted in three major databases (Scopus, ScienceDirect, and Web of Science). Inclusion criteria were: studies that used the general population community (educators and learners from all levels), measured learners' online or remote learning engagement as outcome, reported on primary data, and published in English. The included studies were reviewed based on their data collection methods in terms of data collection method, population and setting, and the implemented strategies in fostering online engagement. Most of these studies were conducted at university and higher education level, the study at K-12 level was limited. The implemented strategies have contributed to student engagement in online learning by increasing students' involvement or participation as well as interaction between student-student, student-instructor, and student-content. evidence.

Keywords: *Student Engagement, Online Learning, Student online engagement, distance learning*

STUDENT DIGITAL LEADERSHIP SKILL IN ONLINE CLASSROOM TEAM WORK MANAGEMENT

Ruqayyah Khalid[1], Wan Hanim Nadrah Wan Muda[2*], Fazlinda Ab Halim[3]

[1,2,3]Jabatan Ikhtisas Pendidikan dan Siswazah, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia

Email: wanhanim@uthm.edu.my[*]

ABSTRACT

The capacity to lead in the digital world might be difficult since it necessitates engagement with other people and the inability to handle operational facilities in other locations from afar. Digital leadership skills are vital in today's business and education because they may be honed starting in school by offering children the opportunity to practice with a experiencing teamwork management. The goal of this study is to look into how student leadership skills in managing teamwork in online classrooms contribute to the development of team leaders' digital leadership skills which study is being done from exploring the experience of three secondary school students. An in –depth interview for this case study was held by the researcher through online among 8 research participants with standard procedures used to conduct the study. Three themes and five sub-themes were found. This contributes to the development of team leaders' digital leadership skills through the practice of online teamwork management, according to the researchers in the proposed framework. The educational institution needs to aggressively find more relevant evaluations that can improve the implementation of online group work because the educational system should be getting advanced in pace with the improvement of technology.

Keywords: *digital leadership, online classroom, teamwork management*

STUDENT'S COURSE INFORMATION SYSTEM-PROCESS TOWARD PAPERLESS MANAGEMENT

Sandrramathy Gopalan

[1]Educational Psychology, Faculty of Human Development, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Email: sandrragopalan24@gmail.com

ABSTRACT

This is a web-based online course registration system which will help the students to register their current semester online. This system was designed particularly for University Pendidikan Sultan Idris students. This system contains two users. At first the admin, who can update the student's information and the students who can register their course status online. This system will reduce the time as the current system requires. Beside that this system is created to reduce cost, time and energy as all the printed forms will be made available online. This system benefits the students by giving them the flexibility of their own personal time within the given duration to register. A total number of 100 students were selected as respondents. The instrument used in this study is a set of questionnaires. The findings show the acceptance of the students toward this system.

Keywords*: System, Technology, Acceptance, Online, Efficiency*

TAHAP KESEDIAAN PELAJAR UPSI BAGI MENGIKUTI *'OPEN AND DISTANCE LEARNING'* (ODL) SEMASA COVID-19 MELIBATKAN KURSUS PENGATURCARAAN

Nur Adlina Fasya Md. Azmi[1*], Mashitoh Hashim[2]

[1]Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

[2]Jabatan Komputeran, Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Email: adlinafasya63@gmail.com

ABSTRAK

Kajian tahap kesediaan pelajar UPSI bagi mengikuti *'Online and Distance Learning'* (ODL) semasa COVID-19 melibatkan kursus pengaturcaraan merupakan kajian yang dijalankan semasa ODL berlangsung. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah bagi mengenalpasti tahap kesediaan pelajar UPSI dari segi fizikal, mental, teknikal dan persepsi mereka tentang kursus pengaturcaraan yang dijalankan secara ODL. Masalah yang dihadapi oleh pelajar adalah capaian internet bagi setiap pelajar adalah berbeza mengikut lokaliti mereka dan juga spesifikasi laptop yang rendah dari sudut alat elektronik. Rekabentuk kajian ini adalah penyelidikan kajian kuantitatif yang melibatkan 226 pelajar UPSI semester 1 hingga 8 daripada pelbagai fakulti. Soal selidik dijalankan dengan menggunakan Google Form yang mempunyai lima bahagian dan data dikumpulkan dalam tempoh sebulan. Hasil pengumpulan data kajian akan dianalisis dengan menggunakan SPSS 23.0 dengan mengukur min dan sisihan piawai bagi setiap bahagian soalan. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap kesediaan pelajar dari segi fizikal dan teknikal adalah tinggi manakala dari segi mental adalah sederhana. Persepsi pelajar terhadap pengendalian kursus pengaturcaraan secara ODL juga pada tahap tinggi. Implikasi ODL memberikan impak yang positif dan negatif kepada pelajar dan pembelajaran ODL terhadap pengaturcaraan perlu dilihat dengan lebih terperinci dengan ODL yang telah dipilih. Kajian ini penting kerana dapat membantu pihak bertanggungjawab mengatasi masalah yang dihadapi oleh para pelajar. Dengan adanya data tentang tahap kesediaan dari segi fizikal, mental dan mental sedikit sebanyak membantu pensyarah atau pihak KPT bagi mencari alternatif lain untuk meningkatkan keberkesanan ODL.

Kata Kunci : Kesediaan, ODL, COVID-19, Pengaturcaraan

TAHAP KOMPETENSI GURU BUKAN OPSYEN PENDIDIKAN KHAS DALAM PENGURUSAN BILIK DARJAH MURID KURANG UPAYA PENDENGARAN

Siti Farisah Yahya[1]*, Noreha Mohd Yusof[2]

[1]Jabatan Pendidikan Khas, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

E-mail: farisahyahya2015@gmail.com*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneroka tahap kompetensi guru bukan opsyen pendidikan khas terhadap pengurusan bilik darjah murid kurang upaya pendengaran di sekolah kebangsaan pendidikan khas. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif yang dilaksanakan kepada tiga orang guru bukan opsyen pendidikan khas yang telah mengajar lebih lima tahun dan mengajar mata pelajaran teras di sebuah sekolah kebangsaan pendidikan khas. Data kajian dikutip dengan menggunakan instrumen temu bual berstruktur dan pemerhatian. Dapatan kajian menunjukkan tahap kompetensi guru bukan opsyen terhadap pengurusan bilik darjah murid kurang upaya pendengaran berada pada tahap sederhana dan pengurusan tingkah laku murid merupakan pengurusan bilik darjah murid kurang upaya pendengaran yang paling dominan bagi guru bukan opsyen pendidikan khas. Implikasi kajian menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk menyediakan perancangan program penyediaan guru dan reka bentuk program latihan dalam perkhidmatan, dengan mengambil kira keperluan khusus guru, terutama guru- guru bukan opsyen pendidikan khas yang sedang dalam perkhidmatan.

Kata kunci: guru bukan opsyen, pengurusan bilik darjah, murid kurang upaya pendengaran

TAHAP MINAT DAN PENERIMAAN PELAJAR TERHADAP GAMIFIKASI DALAM MATA PELAJARAN SAINS DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH

Malervili

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Email: malerganesan@gmail.com

ABSTRAK

Kaedah gamifikasi merupakan salah satu kaedah pengajaran abad ke-21 yang menggabungkan antara isi kandungan pembelajaran dengan unsur-unsur mekanik permainan. Kini, kaedah ini banyak digunakan oleh guru-guru semasa mengajar secara atas talian dengan menggunakan pelbagai aplikasi percuma di internet seperti Kahoot, Quizizz, Quizlet, dan Wordwall . Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap minat dan penerimaan murid terhadap penggunaan kaedah gamifikasi dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) matapelajaran sains. Kaedah penyelidikan kuantitatif telah digunakan terhadap 118 orang pelajar tahun empat di sebuah sekolah rendah. Responden dipilih dengan persampelan rawak mudah. Hasil kajian mendapati tahap minat dan penerimaan pelajar sekolah rendah terhadap penggunaan kaedah gamifikasi dalam PdPc Sains berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa penggunaan kaedah gamifikasi semasa PdPc adalah positif di sekolah rendah tersebut. Implikasi kajian ini dapat memberi petunjuk kepada guru-guru dalam penyediaan pembelajaran yang sesuai kepada generasi abad ke-21.

Kata Kunci: Minat, Penerimaan pelajar, Gamifikasi, Sains dan Pendidikan abad ke-21

TAHAP PENGETAHUAN DAN SIKAP TERHADAP PEMILIHAN KERJAYA PELAJAR FAKULTI PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (FPTV), UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)

Abdul Wafi Abdul Rahman[1*], Mohd Izwan Mahmud[2], Norfaniza Mokhtar[3], Salmalina Salleh[4], Nora Nazliyah Abd Razak[5]

[1]Jabatan Kemahiran dan Profesional, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia
[2]Pusat Pembangunan Karier, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia
[3]Pusat Kemajuan Kerjaya Dan Alumni, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia
[4]Jabatan Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Bahru, Johor, Malaysia
[5]Jabatan Pendidikan Vokasional, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia

Emel*, wafi@uthm.edu.my

ABSTRAK

Pada tahun 2020, persekitaran ekonomi kurang memberangsangkan dan akibatnya bilangan graduan yang menganggur akan meningkat dengan ketara sebanyak 22.5%. Di samping itu, kadar pengangguran siswazah pada 2020 meningkat sebanyak 4.4% berbanding 3.9% pada tahun sebelumnya. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan sikap dalam pemilihan kerjaya pelajar Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Kajian ini mengkaji hubungan antara tahap pengetahuan dan sikap dalam pemilihan kerjaya pelajar FPTV, UTHM. Kajian ini berbentuk kuantitatif. Soal selidik digunakan sebagai kaedah pengumpulan data dan diedarkan kepada 60 orang responden dalam kalangan pelajar tahun akhir FPTV dengan menggunakan skala Likert yang mengukur dari skala satu hingga skala lima. Skala tersebut digunakan sebagai instrumen untuk mengumpul maklumat tentang tahap pengetahuan dan sikap dalam pemilihan kerjaya pelajar FPTV, UTHM. Seterusnya, data yang diperoleh dianalisis menggunakan program Statistical Packages for Social Science (SPSS) 23.0 untuk menunjukkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Pengkaji turut menjalankan ujian T untuk mengkaji hubungan tahap pengetahuan dan sikap pelajar dalam pemilihan kerjaya pelajar FPTV, UTHM. Secara umumnya, hasil kajian menunjukkan bahawa hubungan tahap pengetahuan pelajar dan sikap dalam pemilihan kerjaya pelajar FTPV, UTHM adalah tinggi. Oleh itu setiap pelajar seharusnya mempunyai pengetahuan tinggi dan sikap yang positif dalam membuat pemilihan kerjaya yang sesuai untuk masa hadapan.

Kata Kunci: tahap pengetahuan, sikap, pemilihan kerjaya pelajar, persekitaran ekonomi

THE EFFECTS OF CONTEXTUAL COMPUTER APPLICATIONS MODULE ON STUDENTS' ACHIEVEMENT IN COMPUTER APPLICATIONS SUBJECT IN HIGHER VOCATIONAL COLLEGES IN CHINA

Lan Danni

Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRACT

Higher vocational education aims to cultivate students' practical ability, and traditional discipline-based teaching in ordinary colleges and universities cannot achieve this task, and it is imperative to reform the curriculum teaching based on ability. Situational teaching is a form of teaching that uses emotional activities to promote cognitive activities by creating scenes with artistic conceptions, allowing students to perceive the situation, fully mobilizing students' interest in learning, and using emotional activities. The famous American educator Dewey was the first to apply the concept of "situation" to pedagogy, and the basic views he put forward on the nature of education were; "Education is growth" and "school is society". He advocated "learning from doing", that is, "learning from activity" and "learning from experience". Situational teaching is defined as "an integrated teaching system that effectively promotes multi-dimensional interaction between teachers, students and specific situations through various means such as basic case teaching, simulated interactive scenario simulation and on-site practice exercises." Situational teaching methods and project teaching methods play an important role in mobilizing students' interest in learning, cultivating students' practical ability, and improving the quality of talent training. The introduction of situational teaching modules in the teaching of the basic course of computer application is a useful attempt at teaching reform. Situational teaching method is an open teaching method that combines multidisciplinary and multi-field knowledge and social information with corresponding teaching methods to set up classroom teaching situations and stimulate students' interest in learning. Situational teaching method is currently used in many teaching fields, plays an increasingly important role in vocational education, is one of the most ideal teaching methods for vocational education, accurately set the situation, create a problem environment, help students put themselves in the position of solving problems, is conducive to exerting students' enthusiasm and mobilizing students' initiative.

Keywords: *Situational teaching，Computer Application，Higher vocational colleges*

THE INNOVATIVE WHITEBOARD MARKER

Sia Ivy[1*], Yin Le[1], Muhamad Afzamiman Aripin[1], Abdul Hadi Bunyamin[1], Mohamad Ikram Zakaria[1]

[1]School of Education, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor, Malaysia

Email: afzamiman@utm.my

ABSTRACT

There is no denying the benefits of using a classic whiteboard marker. The study discovered that the conventional whiteboard marker can occasionally be a little uncomfortable and that some modifications can be made based on experience during the process of learning and teaching. The ADDIE Model, which stands for Analysis, Design, Develop, Implement, and Evaluate, is used to guide the development of innovative makers. Prior to the design and development phase, data for the need analysis was acquired from 25 primary school teachers. The generated product was subsequently shown to these teachers during the implementation phase, and they provided feedback by responding to surveys and interviews. The data shows that there is a significant demand on the develop product and positive feedback on the usability. In general, from the data gathered and analysed from the interview sessions with teachers, the innovators concluded that the Innovative Whiteboard Marker has achieved its product's objective which is to produce a more convenient design of whiteboard marker pen to be used in the classroom. The interview also showed us that our product has its market potential.

Keywords: *Innovative, Whiteboard Maker, ADDIE Model, Teacher, Teaching*

1

TINJAUAN TAHAP PENGGUNAAN MODUL, BAHASA LISAN DAN ELEMEN MULTIMEDIA DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU FONIK DALAM KALANGAN PELAJAR AUTISM DI NEGERI JOHOR

Suhaizal Hashim[1*], Atikah Amirah Mohd Zain@Halim[2], Nurhani Khamis[3], Mohd Erfy Ismail[4], Khairul Anuar Abdul Rahman[5]

[1 2 3 4 5] Faculty of Technical and Vocational Education, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia

E-mail[*], suhaizal@uthm.edu.my

ABSTRAK

Pendidikan merupakan perkara penting yang harus diutamakan kepada semua pelajar. Istilah "pelajar istimewa" digunakan untuk kumpulan pelajar tertentu. Murid berkeperluan khas sudah pasti melalui proses pembelajaran yang berbeza daripada murid biasa. Mereka menerima kurikulum khusus serta pengajar yang menumpukan masa mereka untuk mengajar murid-murid ini dengan keperluan luar biasa. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji bagaimana guru pendidikan khas mengendalikan pengajaran dan pembelajaran fonik Bahasa Melayu kepada murid autisme. Kajian ini dilakukan untuk mengetahui berapa banyak bahasa pertuturan, berapa banyak multimedia digunakan, dan apakah strategi yang diambil oleh guru semasa mengajar fonik Bahasa Melayu. Reka bentuk kajian ini adalah kuantitatif, dan ia disandarkan oleh data kuantitatif. Seramai 42 orang guru pendidikan khas yang mengajar pelajar autisme di empat buah sekolah di kawasan Johor dijadikan sampel. Tinjauan soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Bagi menentukan peratusan, min, dan sisihan piawai, analisis deskriptif telah digunakan. Konstruk pendekatan modul berada pada tahap sederhana mengikut keputusan (Min=3.43, Sd=0.654). Sama seperti teknik bahasa lisan (Min=3.64 and Sd=0.570), namun, pendekatan bahan multimedia berada pada tahap yang lebih tinggi (Min=4.14 dan Sd=0.612). Hasilnya, jelaslah bahawa kaedah yang paling popular untuk mendidik dan melatih murid autisme ialah penggunaan komponen multimedia.

Kata Kunci: Bahasa Melayu fonik; pelajar autisme; penggunaan modul; penggunaan bahasa lisan; penggunaan elemen multimedia

TINJAUAN TERHADAP PENGETAHUUKSI DALAM KALANGAN GURU PELATIH DALAM SESI PENGAJARAN

Fazlinda Ab Halim[1*], Wan Hanim Nadrah Wan Muda[2], Nor Ezzah Fathenah Binti Md Yatim [3], Sharifah Intan Amira Binti Sayed Mustaffa Kamal[4], Widad Syamila Binti Samsudin[5], Nur Hafizah Binti Hamidi[6], Asdia Fathiya Binti Simudah[7]

[1,2]Jabatan Ikhtisas Pendidikan dan Siswazah, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia
[3,4,5,6,7] Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor,
Malaysia

Email: fazlin@uthm.edu.my[*]

Received: x month, 2022; *Accepted*: x Month 2022; *Published*: x Month 2022

ABSTRAK

Pelbagai cara dan kaedah pengajaran telah diperkenalkan untuk menjayakan sesi pembelajaran seterusnya merangsang minat murid. Salah satunya ialah penggunaan set induksi. Namun, terdapat beberapa isu berlaku berkaitan set induksi ini seperti set induksi yang tidak sesuai, kurang menarik dan membosankan. Oleh hal yang demikian, kajian ini bertujuan untuk meninjau pengetahuan dan kesan pelaksanaan set induksi dalam pengajaran dalam kalangan guru pelatih yang sedang menjalani latihan mengajar. Kajian ini merupakan kajian berbentuk tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Seramai 111 orang guru pelatih dalam kalangan pelajar universiti awam terpilih sebagai responden kajian ini. Instrumen kajian terdiri daripada beberapa bahagian meliputi Bahagian A; demografi responden, Bahagian B; pengetahuan guru pelatih dalam pemilihan set induksi, Bahagian C; kesan pelaksanaan set induksi dalam pengajaran. Kekerapan, peratusan, skor min, sisihan piawai dan analisis Pearson telah digunakan untuk menganalisis data yang dikumpul. Dapatan kajian menunjukkan kesan daripada perlaksaan set induksi mempunyai hubungan dengan tahap pengetahuan guru pelatih. Sekiranya guru pelatih mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi tentang set induksi maka kesan positif diperolehi terhadap pelaksanaan set induksi dalam sesi pengajaran.

Kata Kunci: set induksi, guru pelatih, latihan mengajar, pengajaran dan pembelajaran

TRANSLATION AND EXAMINATION OF THE 28-ITEM AUTISM-SPECTRUM QUOTIENT (AQ-28 MALAY) IN UNDERGRADUATE STUDENTS IN MALAYSIA: EFFECTS OF GENDER AND FIELD OF STUDY

Mohd Syazwan Zainal[1,2], Darren Hedley[3], Mirko Uljarevic[4,5], Jennifer R. Spoor[6], Hairul Nizam Ismail[1], Hui Min Low[1]

[1]School of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia
[2]Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia
[3]Olga Tennison Autism Research Centre, La Trobe University, Melbourne, Victoria, Australia
[4]University of Melbourne, Melbourne, Victoria, Australia
[5]Stanford Autism Center, Department of Psychiatry and Behavioral Sciences, School of Medicine, Stanford University, Stanford, California, United States of America
[6]La Trobe Business School, La Trobe University, Melbourne, Victoria, Australia

ABSTRACT

Autistic traits (ATs) describe characteristics and features associated with autism, which are thought to be continuously distributed in the general population. In the general population, males tend to score higher than females on ATs. A similar pattern can be observed in particular vocations, such as engineering or the sciences. We examined associations between gender (male, female) and field of study (science, social science) with self-reported ATs using a newly translated Malay version of the Autism Spectrum Quotient, Brief (AQ-28). Participants were 1344 (75% female) Malaysian university students who completed an online survey. A univariate analysis of variance (ANOVA) revealed no main effect for gender on AQ-28 total scores. However, a significant main effect was identified for the field of study, with science students scoring higher than social science students. The Gender × Field of Study interaction was not significant. Exploratory analysis of sub-trait scores revealed significant gender and field of study effects for the social skills domain, and a significant gender effect for the number pattern domain. Although our hypothesis of higher scores in science than social science students was supported, we did not find significant gender effects in our sample. Results provide further support for the idea that the expression of ATs is diverse across student populations.

Keywords: *Autistic traits, Malaysian Undergraduate Students, Gender, Field of Study*

USING YOUTUBE VIDEOS AS TEACHING MATERIALS TO ENHANCE ESL SPEAKING SKILLS

Zeti Aqmar[1], Anis Shaari[2], Amelia Abdullah[3]

Universiti Sains Malaysia

Email: [1]zetiaqmar@gmail.com, [2]anisshaari@usm.my, [3]amelia@usm.my

ABSTRACT

Using social media for language learning is not uncommon in today's education. Among others, some students are found to be learning and acquiring the English Language rather effectively via social media compared to the traditional talk and chalk methods (Zahirah & Noor Hanim, 2020). Additionally, social media are currently moving beyond traditional teaching methods that have been discovered to be helpful in the development of a more student-centered pedagogy (Albiladi & Abdeen, 2021). YouTube is one of the social media platforms that is readily available and accessible to the general public. YouTube has been utilized by educators as teaching material in the classroom. Using YouTube videos is believed to be beneficial for second-language learners, based on the positive results of a number of studies. In accordance with that, this article intends to discuss how YouTube may possibly be an avenue to improve ESL speaking abilities in certain aspects. The article will also highlight the intercultural learning that occurs as an added value resulting from watching YouTube videos. Therefore, it is anticipated that the insight discussed in this article will provide ESL instructors with useful information regarding YouTube's effect on the development of speaking skills.

Keywords: *Authentic materials, ESL, Intercultural, Speaking Skills, YouTube*

WECARE WITH MAGIC CARD: ACTIVATING AND ENGAGING LOVE AND EXCELLENCE

Indrani Gopal [1]

Kolej Matrikulasi Perak

Email: bm-1466@moe-dl.edu.my

ABSTRAK

Konsultasi iCare dan intervensi kad imbas Magic Card telah digunakan untuk kajian bagi topik Network dalam subjek Sains Komputer ini. Teknik pengambilan sampel adalah menggunakan teknik persampelan rawak ringkas dan sampel yang digunakan bagi kitaran 1 adalah seramai 10 orang pelajar manakala bagi kitaran 2 pula adalah seramai 15 orang pelajar. Set ujian yang mengandungi 8 soalan telah diberikan kepada pelajar. Seramai 6 orang pelajar telah mendapat gred A (60%), seorang pelajar telah mendapat gred A- (10%) dan 3 orang pelajar telah mendapat gred B (30%) setelah instrumen Magic Card digunakan manakala seramai 6 orang pelajar telah mendapat gred A (93%) dan seorang sahaja telah mendapat gred A- (7%) setelah instrumen Magic Card dengan tambahan iCare digunakan. Ini membuktikan yang intervensi kad imbas dan konsultasi ini telah terbukti dapat meningkatkan prestasi dan keputusan pelajar dalam topik network topology.

Kata Kunci : konsultasi, kad imbas, network, network topology.

Anjuran Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam Malaysia

Universiti Kebangsaan Malaysia
National University Of Malaysia

UPM
Universiti Putra Malaysia
Berilmu Berbakti

University of Malaya

UTM
Universiti Teknologi Malaysia

UUM
Universiti Utara Malaysia

UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UMS
Universiti Malaysia Sabah

Universiti Pendidikan Sultan Idris
Sultan Idris Education University

USM
Universiti Sains Malaysia

UNISZA
Universiti Sultan Zainal Abidin

International Islamic University Malaysia
Garden of Knowledge and Virtue

Universiti Teknologi Mara

Universiti Sains Islam Malaysia
Islamic Science University of Malaysia